Pada tahun 2023, sektor pertanian mencatatkan penurunan ekonomi sebanyak -11.9% berbanding peningkatan 8.6% pada 2022, disebabkan kejatuhan ketara dalam subsektor kelapa sawit (-23.5%) dan getah (-14.1%) akibat kelembapan permintaan global dan lebihan bekalan. Subsektor perhutanan turut merosot sedikit (-0.2%). Namun, subsektor lain seperti sayur-sayuran dan buah-buahan mencatatkan pertumbuhan 1.5%, manakala subsektor perikanan meningkat 2.7%. Secara keseluruhan, walaupun berdepan tekanan pasaran, beberapa subsektor pertanian menunjukkan daya tahan dan potensi pertumbuhan.

RINGKASAN PENEMUAN

Carta 2: Prestasi Ekonomi Sektor Pertanian – Nilai Ditambah, Perubahan Peratusan Tahunan dan Sumbangan Peratusan (Pada Harga Semasa)



3.3 Prestasi Ekonomi Sektor Pertanian bagi Negara-Negara Terpilih 2023 (Pada Harga Semasa)

Sumbangan sektor pertanian kepada KDNK berbeza mengikut tahap pembangunan negara. Negara membangun seperti India (16.6%), Indonesia (12.5%), Vietnam (11.9%) dan Thailand (8.6%) mencatat sumbangan lebih tinggi berbanding negara maju seperti China (7.1%), Itali (1.9%), Perancis (1.7%) dan Jerman (0.8%). Komoditi utama termasuk padi, kelapa sawit, kopi, gandum dan produk tenusu. Umumnya, negara maju lebih bergantung kepada sektor perkhidmatan dan perindustrian, manakala sektor pertanian lebih dominan di negara membangun.


4.0 SUMBANGAN NILAI DITAMBAH SEKTOR PERTANIAN MENGIKUT NEGERI (PADA HARGA MALAR)

Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam membantu pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri melalui eksport dan menyokong pembangunan luar bandar. Selain itu, ia menjamin sekuriti makanan negara dengan memastikan bekalan makanan yang stabil di peringkat tempatan serta mengurangkan kebergantungan negara kepada import pertanian. Secara keseluruhan, nilai ditambah sektor pertanian Malaysia pada tahun 2023 ialah RM100.8 bilion, menyumbang 6.4 peratus kepada KDNK keseluruhan dengan pertumbuhan marginal 0.7 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022: 1.3%).

Negeri Johor merupakan penyumbang terbesar sektor pertanian di Malaysia dengan sumbangan sebanyak 17.1 peratus, diikuti Sarawak (14.9%), Pahang (14.1%), Sabah (12.5%) dan Perak (11.6%).

RINGKASAN PENEMUAN


**Carta 3: Nilai Ditambah Sektor Pertanian Mengikut Negeri, 2023^p
(Pada Harga Malar)**



4.1 Subsektor Tanaman

Subsektor tanaman menyumbang 67.2 peratus kepada sektor pertanian Malaysia pada tahun 2023. Negeri penyumbang terbesar subsektor tanaman adalah Sarawak dengan sumbangan sebanyak 18.2 peratus, diikuti Johor (17.3%), Pahang (16.6%) dan Sabah (14.2%). Sebanyak empat negeri menunjukkan sumbangan subsektor tanaman kepada sektor pertanian negeri melebihi 70 peratus iaitu Sarawak (82.1%), Pahang (79.0%), Sabah (76.0%) dan Kelantan (72.7%).

**Carta 3: Nilai Ditambah Subsektor Tanaman Mengikut Negeri, 2023^p
(Pada Harga Malar)**




RINGKASAN PENEMUAN

4.2 Subsektor Ternakan

Subsektor ternakan menyumbang 16.6 peratus kepada sektor pertanian Malaysia. Negeri penyumbang terbesar subsektor ini ialah Johor (26.1%), diikuti Perak (16.9%), Melaka (11.0%) dan Kedah (10.5%). Antara negeri yang mencatatkan sumbangan subsektor ternakan kepada sektor pertanian negeri melebihi 20 peratus ialah Melaka (38.1%), Kedah (31.8%), Negeri Sembilan (28.9%), Pulau Pinang (27.0%), Selangor (27.0%), Johor (25.4%) dan Perak (24.2%).

Carta 5: Nilai Ditambah Subsektor Ternakan Mengikut Negeri, 2023^p
(Pada Harga Malar)




4.3 Subsektor Perikanan

Subsektor perikanan menyumbang 11.5 peratus kepada sektor Pertanian Malaysia. Negeri penyumbang utama kepada subsektor ini adalah Perak, yang menyumbang sebanyak 21.9 peratus, diikuti Sabah (16.0%) dan Kedah (10.0%). Subsektor ini menguasai sektor pertanian di Wilayah Persekutuan Labuan dan Pulau Pinang, masing-masing sebanyak 86.5 peratus dan 40.0 peratus. Selain itu, subsektor perikanan merupakan penyumbang kedua terbesar sektor pertanian di Perlis (39.1%), diikuti Terengganu dan Sabah, masing-masing sebanyak 15.6 peratus dan 14.7 peratus.

RINGKASAN PENEMUAN


Carta 6: Nilai Ditambah Subsektor Perikanan Mengikut Negeri, 2023^p
(Pada Harga Malar)



4.4 Subsektor Perhutanan & Pembalakan

Subsektor perhutanan & pembalakan menyumbang 4.8 peratus kepada sektor pertanian Malaysia. Sarawak merupakan negeri penyumbang terbesar bagi subsektor ini iaitu sebanyak 28.8 peratus, diikuti Pahang (25.3%) dan Kelantan (18.1%). Dua negeri yang menunjukkan sumbangan subsektor perhutanan & pembalakan kepada sektor pertanian negeri melebihi 10 peratus ialah Kelantan dan Terengganu, masing-masing merekodkan 15.5 peratus dan 11.4 peratus.

Carta 7: Nilai Ditambah Subsektor Perhutanan & Pembalakan Mengikut Negeri, 2023
(Pada Harga Malar)




RINGKASAN PENEMUAN

5.0 EKSPORT DAN IMPORT PRODUK PERTANIAN

5.1 Eksport Produk Pertanian

Pada tahun 2023, nilai eksport produk pertanian Malaysia mencecah RM66.8 bilion. Subsektor tanaman menyumbang paling besar (94.8%), diikuti perikanan (3.0%) dan ternakan (2.2%). Ini menunjukkan kebergantungan tinggi kepada hasil tanaman, serta keperluan memperkuuh subsektor lain. Sepanjang 2019–2023, eksport pertanian mencatat pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) sebanyak 8.4%, mencerminkan peningkatan permintaan dan potensi pertumbuhan berterusan sektor pertanian negara.

Carta 8: Prestasi Eksport, 2019-2023



5.2 Prestasi Eksport Mengikut Subsektor

Pada tahun 2023, eksport pertanian Malaysia disumbang oleh tiga subsektor utama: tanaman (14.9 juta tan, RM63.3 bilion), perikanan (0.1 juta tan, RM2.0 bilion) dan ternakan (RM1.5 bilion). Produk utama termasuk minyak masak, beras, durian, udang, sotong, ayam, telur dan susu segar. Prestasi ini menunjukkan keupayaan Malaysia dalam memenuhi permintaan global bagi produk pertanian berkualiti tinggi.

5.3 Rakan Dagangan Utama bagi Eksport Pertanian

Pada tahun 2023, Malaysia mencatat prestasi eksport pertanian yang kukuh dengan lima rakan dagangan utama: India (RM11.0 bilion), China (RM5.7 bilion), Kenya (RM3.4 bilion),

RINGKASAN PENEMUAN

Turki (RM3.3 bilion) dan Singapura (RM3.1 bilion). Permintaan tinggi, terutamanya untuk minyak masak, membuktikan daya saing Malaysia dalam pasaran global serta membuka peluang pertumbuhan mampan sektor pertanian.

5.4 Produk Pertanian Utama yang Diimport

Pada tahun 2023, subsektor tanaman mencatat import tertinggi dalam sektor pertanian. Minyak masak merupakan produk utama yang diimport sebanyak 338.5 juta tan bernilai RM6.2 bilion, diikuti produk tenusu (0.3 juta tan, RM4.9 bilion) disebabkan permintaan tinggi dalam pemprosesan dan penggunaan domestik. Beras diimport sebanyak 1.4 juta tan (RM3.7 bilion) bagi memenuhi keperluan terutama varieti premium. Produk lain termasuk kopi (78.4 ribu tan, RM1.3 bilion) dan bawang (0.6 juta tan, RM1.0 bilion), penting dalam masakan tempatan.

Rajah 1: Import Produk Pertanian bagi Subsektor Tanaman 2023



Dalam subsektor ternakan, daging lembu merupakan komoditi import utama pada tahun 2023 (0.2 juta tan, RM3.1 bilion), menunjukkan kebergantungan tinggi akibat pengeluaran domestik yang tidak mencukupi. Daging ayam juga diimport dalam jumlah besar (0.2 juta tan, RM2.1 bilion), terutama dalam bentuk produk diproses. Produk lain termasuk daging khinzir (65 ribu tan, RM896.2 juta), daging kambing (37 ribu tan, RM772.4 juta) dan susu segar (34 ribu tan, RM232.9 juta). Situasi ini menekankan perlunya peningkatan dalam industri tenusu tempatan.

RINGKASAN PENEMUAN

Rajah 2: Import Produk Pertanian bagi Subsektor Ternakan 2023



Sementara itu, Industri makanan laut Malaysia masih bergantung kepada import untuk memenuhi permintaan domestik. Antara produk utama yang diimport ialah sotong (61.4 ribu tan, RM828.7 juta) dan udang (41.3 ribu tan, RM676.1 juta). Ikan seperti kembung, sardin, serta ketam turut diimport dalam jumlah besar. Ini menunjukkan makanan laut merupakan komponen penting dalam diet harian rakyat dan masakan tradisional negara.

Rajah 3: Import Produk Pertanian bagi Subsektor Perikanan 2023




RINGKASAN PENEMUAN

6.0 SOSIOEKONOMI MELAKA

Melaka mempunyai keluasan tanah seluas 1,670.2 kilometer persegi dengan kepadatan penduduk sebanyak 586 orang bagi setiap kilometer persegi. Pada tahun 2023, bilangan penduduk di Melaka dianggarkan seramai 1.03 juta orang dengan kadar pertumbuhan tahunan meningkat kepada 1.9 peratus berbanding 0.4 peratus pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, 92.2 peratus adalah warganegara manakala 7.8 peratus adalah bukan warganegara. Nisbah jantina mencatatkan 111 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Melaka juga mempunyai 3 daerah iaitu Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah. Setiap daerah mempunyai keluasan 690.2 kilometer persegi, 670.2 kilometer persegi dan 309.8 kilometer persegi dengan populasi seramai 154.5 ribu orang, 256.3 ribu orang dan 617.5 ribu orang. Bukan itu sahaja, kadar penyertaan tenaga buruh meningkat kepada 70.1 peratus dengan kadar pengangguran menurun kepada 1.6 peratus. Tenaga buruh pula mencatatkan peningkatan sebanyak 2.7 peratus kepada 508.1 ribu orang, manakala bilangan penduduk bekerja meningkat kepada 499.8 ribu orang pada tahun yang sama.

Pada tahun 2023, ekonomi Melaka mencatat Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM46.9 billion dengan pertumbuhan sederhana 3.0 peratus berbanding RM45.6 billion pada tahun sebelumnya. Komposisi ekonomi negeri ini didominasi oleh sektor Perkhidmatan yang menyumbang 51.2 peratus, diikuti sektor Pembuatan (36.1 peratus) dan Pertanian (10.3 peratus), manakala sektor Pembinaan dan Perlombongan & Pengkuarian masing-masing menyumbang 2.1 peratus dan 0.1 peratus.


Carta 9: Nilai dan Kadar Pertumbuhan KDNK Negeri Melaka, 2015 – 2023



RINGKASAN PENEMUAN

Sektor Pertanian memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi Melaka melalui sumbangan eksport dan sokongan kepada pembangunan luar bandar, selain memastikan sekuriti makanan dengan menstabilkan bekalan tempatan serta mengurangkan kebergantungan import. Pada tahun 2023, sektor ini mencatat nilai tambah sebanyak RM4.8 billion, meningkat daripada RM4.5 bilion pada tahun sebelumnya, dan menyumbang 10.3 peratus kepada KDNK negeri. Subsektor Tanaman, yang menyumbang 60.5 peratus, merupakan penyumbang utama sektor pertanian, diikuti oleh subsektor Ternakan dengan 38.1 peratus, kedua-duanya menyumbang secara kumulatif 98.6 peratus. Pertumbuhan sektor pertanian kekal kukuh pada 6.5 peratus berbanding 0.6 peratus pada tahun sebelumnya, dipacu oleh pertumbuhan dua digit subsektor Tanaman sebanyak 11.1 peratus yang disokong oleh peningkatan pengeluaran sayur-sayuran utama seperti sawi, bayam, dan kangkung serta kelapa sawit. Sub-sektor Ternakan turut mencatat peningkatan marginal 0.4 peratus berbanding penurunan 1.6 peratus tahun sebelumnya, didorong oleh pengeluaran telur ayam serta ternakan ayam dan itik.

Carta 10: Pecahan Kategori Guna Tanah Semasa Negeri Melaka, 2023



Sumber : 1. Laporan Sosioekonomi Negeri Melaka, 2023
2. Laporan Guna Tanah Negeri Melaka 2023, PlanMalaysia

Import Melaka pada tahun 2023 menyaksikan penurunan sebanyak 2.2 peratus, dengan nilai import sebanyak RM41.6 billion. Bahan makanan untuk binatang (tidak termasuk bijian belum dikilang) adalah komoditi import utama pertanian Melaka yang bernilai RM512 juta adalah jagung (termasuk jagung manis), diikuti dengan bahan makanan untuk binatang (tidak termasuk bijian belum dikilang) bernilai RM388 juta serta sayur - sayuran sebanyak RM387 juta.

Eksport Melaka mencatatkan penurunan sebanyak 7.7 peratus pada tahun 2023 kepada RM29.2 billion. Eksport komoditi utama pertanian Melaka ialah sarung tangan getah yang bernilai RM440 juta, diikuti dengan perabot kayu dan rotan yang bernilai RM293 juta serta RM280 juta oleokimia berasaskan kelapa sawit yang bernilai RM280 juta.


RINGKASAN PENEMUAN

7.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, MELAKA

7.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 13,824 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Melaka. Daripada jumlah ini, 13,022 (94.2%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 802 (5.8%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 1: Pegangan Pertanian, Melaka, 2023



7.1.1 KEWARGANEGARAAN

Daripada 13,022 pegangan pertanian individu yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Melaka, hampir 100 peratus adalah terdiri daripada warganegara dan sebanyak 0.04% adalah daripada bukan warganegara.

Paparan 2: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Kewarganegaraan, Melaka, 2023



RINGKASAN PENEMUAN

7.1.2 JANTINA

Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 74.0 peratus dan selebihnya adalah perempuan seramai 3,382 orang (26.0 peratus).


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Jantina, Melaka, 2023



7.1.3 KUMPULAN UMUR

Dari segi struktur kumpulan umur, majoriti pegangan pertanian di Melaka terdiri dalam kumpulan umur 60 tahun dan ke atas iaitu seramai 7,192 orang (55.3%) diikuti dengan kumpulan umur 46 hingga 59 tahun 3,729 orang (28.6%) kumpulan umur 31 hingga 45 tahun 1,784 orang (13.7%) dan kumpulan umur 15 hingga 30 tahun adalah 317 orang (2.4%).

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Kumpulan Umur, Melaka, 2023




RINGKASAN PENEMUAN

7.1.4 KUMPULAN ETNIK

Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 77.5 peratus dengan seramai 10,082 orang. Manakala Cina, India dan lain-lain menyumbang sebanyak 19.4 peratus, 2.7 peratus dan 0.4 peratus.


Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Kumpulan Etnik, Melaka, 2023



7.1.5 TARAF PERKAHWINAN

Daripada 13,022 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Melaka, pengusaha yang berkahwin mencapai peratusan tertinggi iaitu sebanyak 75.6 peratus. Manakala, kedua tertinggi adalah balu mahupun duda dengan sebanyak 10.9 peratus. Walaubagaimanapun, pengusaha yang tidak pernah berkahwin mencatat peratusan sebanyak 10.4 peratus.

Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Taraf Perkahwinan, Melaka, 2023




Tiada maklumat: 276

RINGKASAN PENEMUAN

7.1.6 SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH

Manakala 42.0 peratus pegangan pertanian individu di Melaka mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah dan sebanyak 26.3 peratus mempunyai sijil peringkat sekolah rendah.

**Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Sijil Teringgi Diperoleh,
Melaka, 2023**



Tiada maklumat: 276

7.2 KELUASAN BERTANAM

Jumlah keluasan bertanam Malaysia adalah seluas 7.5 juta hektar. Daripada jumlah tersebut, 2.3 juta hektar diusahakan oleh individu manakala seluas 5.2 juta hektar oleh pertubuhan. Manakala, jumlah keluasan bertanam di Melaka pada tahun 2023 adalah seluas 77.9 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 24.6 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 53.4 ribu hektar oleh pegangan pertubuhan.

7.3 KELUASAN BERTUAI

Keluasan bertuai merekodkan 70.4 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah 47.8 ribu hektar. Manakala keluasan bertuai bagi pegangan pertanian individu pula ialah 22.6 ribu hektar.

7.4 KUANTITI PENGELUARAN

Jumlah kuantiti pengeluaran bagi seluruh Melaka dalam subsektor tanaman pada tahun 2023 adalah sebanyak 1.2 juta tan metrik. Bagi pegangan pertanian individu, jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 176.1 ribu tan metrik, manakala pertubuhan merekodkan jumlah kuantiti pengeluaran sebanyak 1.0 juta tan metrik.


RINGKASAN PENEMUAN

Seterusnya, jumlah kuantiti pengeluaran bagi ternakan hidup dan hasil ternakan masing-masing ialah 85.8 juta ekor dan 342.5 ribu kilogram. Bagi kuantiti pengeluaran telur dan hasil susu/burung walet pula 3.2 bilion biji dan 2.0 juta liter. Angka tersebut menunjukkan jumlah kuantiti pengeluaran bagi semua aktiviti ternakan di negeri Melaka.

Aktiviti perikanan tangkapan Melaka pada tahun 2023 merekodkan jumlah keseluruhan pengeluaran sebanyak 2.0 ribu tan metrik. Pegangan pertanian individu merekodkan pengeluaran yang lebih tinggi iaitu 1.9 ribu tan metrik (98.7%) berbanding pegangan pertubuhan pertanian iaitu 26 tan metrik (1.3%).

Subsektor akuakultur merekodkan kuantiti pengeluaran bagi seluruh Melaka adalah sebanyak 4.6 ribu tan metrik yang merangkumi air payau dan air tawar serta 5.3 juta ekor bagi ikan hiasan serta baka dan benih.

Paparan 8: Kuantiti Pengeluaran mengikut Pegangan Pertanian, Melaka, 2023



7.5 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Kuantiti jualan dalam unit tan metrik adalah sebanyak 1.2 juta tan metrik yang meliputi kesemua sektor pertanian di Melaka bagi tahun 2023. Daripada jumlah ini, sebanyak 1.0 juta tan metrik daripada pegangan pertanian pertubuhan manakala 173.0 ribu tan metrik oleh pegangan pertanian individu.

Manakala, kuantiti jualan bagi unit ekor adalah sebanyak 80.4 juta ekor meliputi subsektor akuakultur dan ternakan. Sebanyak 80.2 juta ekor daripada pegangan pertanian pertubuhan dan 210.0 ribu ekor oleh pegangan pertanian individu.

RINGKASAN PENEMUAN

Kuantiti jualan dalam unit bilangan biji di Melaka adalah sebanyak 3.2 bilion biji merupakan hasil ternakan iaitu telur ayam/itik. Pegangan pertanian pertubuhan menyumbang sebanyak 2.7 bilion biji manakala sebanyak 500.3 juta biji adalah daripada pegangan pertanian individu. Selain itu, kuantiti jualan daripada hasil ternakan juga seperti susu segar dan madu dalam unit liter adalah sebanyak 1.9 juta liter dimana sebanyak 795.4 ribu liter daripada pegangan pertanian individu dan 1.2 juta liter daripada pegangan pertubuhan.

Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Melaka merekodkan RM3.62 bilion, di mana 79.2 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM2.9 bilion). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 20.8 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Melaka iaitu RM754.16 juta.

Paparan 9: Kuantiti dan Nilai Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Melaka, 2023

	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
	Kuantiti Jualan ('000)		
i. Tan Metrik	1,208.3	173.0	1,035.4
ii. Biji	3,150,412.0	500,333.0	2,650,079.0
iii. Ekor	80,403.0	210.0	80,193.0
iv. Liter	1,949.6	795.4	1,154.2
	Nilai Jualan (RM juta)		
	3,623.62	754.16	2,869.46

7.6 GUNA TENAGA

Guna tenaga dalam konteks Banci Pertanian 2024 merujuk kepada individu yang bekerja dengan pengusaha, sama ada individu tersebut merupakan sebahagian daripada pegangan individu ataupun pertubuhan. Guna tenaga di Melaka adalah seramai 22,692 orang terlibat secara langsung dalam sektor pertanian yang diklasifikasikan kepada tiga kategori utama, iaitu Pemilik & Rakan Niaga yang aktif, Pekerja Keluarga Tanpa Gaji dan Pekerja Bergaji. Dari jumlah ini, 55.4 peratus merupakan Pemilik & Rakan Niaga aktif (12,561 orang) manakala 35.7 peratus (8,107 orang) terdiri daripada Pekerja Bergaji. Selebihnya, seramai 2,024 orang adalah Pekerja Keluarga Tanpa Gaji.

RINGKASAN PENEMUAN

Dari segi pecahan pegangan pertanian individu, jumlah guna tenaga yang direkodkan adalah sebanyak 15,989 orang. Manakala bagi pegangan pertanian oleh pertubuhan pula, jumlah guna tenaga adalah seramai 6,703 orang. Jumlah guna tenaga tertinggi dalam dapatan Banci Pertanian 2024 adalah guna tenaga yang terlibat dalam aktiviti penanaman kelapa sawit iaitu 9,052 orang. Ini diikuti dengan penglibatan guna tenaga dalam aktiviti penanaman getah (6,901 orang) dan aktiviti ternakan (6,625 orang).

Paparan 10: GunaTenaga Sektor Pertanian, Melaka, 2023



The background of the image features a close-up of a young plant with broad, green leaves and white veins, growing out of dark brown soil. Two hands are visible, one from each side, gently holding the base of the plant. The upper portion of the image has a yellow-to-green gradient overlay.

SUBSEKTOR TANAMAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

RINGKASAN PENEMUAN

8.0 PARAMETER SUBSEKTOR TANAMAN, MELAKA

8.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 11,772 pegangan pertanian bagi subsektor tanaman direkodkan pada tahun 2023, merangkumi 11,145 pegangan pertanian individu (94.7%) dan 627 pegangan pertanian pertubuhan (5.3%).

8.1.1 KEWARGANEGARAAN

Daripada 11,145 pegangan pertanian individu di Melaka, seramai 11,140 orang atau 99.96 peratus merupakan warganegara, manakala 5 orang (0.04%) lagi terdiri daripada bukan warganegara.

Paparan 11: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Kewarganegaraan, Melaka, 2023



8.1.2 JANTINA

Pegangan pertanian individu di Melaka didominasi oleh lelaki iaitu 7,850 orang (70.4%) berbanding 3,295 perempuan (29.6%). Semua daerah merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan.

Paparan 12: Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina, Subsektor Tanaman, Melaka, 2023




RINGKASAN PENEMUAN

8.1.3 KUMPULAN UMUR

Seramai 3,085 orang atau 27.7 peratus daripada pegangan pertanian individu adalah berumur 46 hingga 59 tahun, diikuti oleh individu yang berumur 60 tahun dan ke atas (6,443 orang; 57.8%), 31 hingga 45 tahun (1,381 orang; 12.4%) dan 15 hingga 30 tahun (236 orang; 2.1%).


**Paparan 13: Pegangan Pertanian Individu mengikut Kumpulan Umur,
Subsektor Tanaman, Melaka, 2023**



8.1.4 KUMPULAN ETNIK

Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 75.8 peratus dengan seramai 8,449 orang. Manakala Cina, India dan lain-lain menyumbang sebanyak 21.6 peratus, 2.4 peratus dan 0.2 peratus.

**Paparan 14: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Kumpulan Etnik,
Subsektor Tanaman, Melaka, 2023**




RINGKASAN PENEMUAN

8.1.5 TARAF PERKAHWINAN

Pengusaha yang berkahwin mencapai peratusan tertinggi iaitu sebanyak 74.8 peratus. Manakala, kedua tertinggi adalah balu mahupun duda dengan sebanyak 11.1 peratus. Walaubagaimanapun, pengusaha yang tidak pernah berkahwin mencatat peratusan sebanyak 10.6 peratus.

Paparan 15: Taraf Perkahwinan, Subsektor Tanaman, Melaka, 2023




Tiada maklumat: 276

8.1.6 SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH

Seramai 4,663 orang pegangan pertanian bagi subsektor tanaman individu mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah dengan rekod tertinggi iaitu 41.8 peratus. Sebanyak 24.2 peratus mempunyai sijil peringkat sekolah rendah.

Paparan 16: Sijil Tertinggi Diperoleh, Subsektor Tanaman, Melaka, 2023



Tiada maklumat: 276

RINGKASAN PENEMUAN

8.2 KELUASAN BERTANAM

Jumlah keluasan bertanam bagi subsektor tanaman di Melaka pada tahun 2023 adalah seluas 77.9 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 24.6 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 53.4 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan.

Kelapa Sawit mendahului dengan keluasan tanaman tertinggi iaitu sebanyak 55.7 ribu hektar, diikuti getah dengan 9.0 ribu hektar. Padi dan buah-buahan juga menunjukkan keluasan tanaman masing-masing 2.3 ribu hektar mengambil kira keluasan penuaian dua kali setahun dan 8.1 ribu hektar. Bagi sayur-sayuran pula merekodkan keluasan bertanam 765 hektar, tanaman lain serta nanas adalah 1.9 ribu hektar dan 125 hektar. Keluasan bertanam koko dan kenaf adalah sangat minimal, masing-masing tujuh hektar dan lima hektar. Lada mempunyai keluasan yang paling rendah, iaitu hanya satu hektar.

8.3 KELUASAN BERTUAI

Keluasan bertuai bagi subsektor tanaman merekodkan 70.5 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah 47.8 ribu hektar. Manakala keluasan bertuai individu adalah 22.6 ribu hektar.

Keluasan tuaian bagi pelbagai jenis tanaman telah direkodkan dengan kelapa sawit mencatatkan keluasan tertinggi iaitu sebanyak 50.0 ribu hektar. Seterusnya, tanaman getah mencatatkan keluasan tuaian sebanyak 7.8 ribu hektar, manakala tanaman buah-buahan mencatatkan 7.9 ribu hektar. Tanaman padi pula meliputi keluasan sebanyak 2.0 ribu hektar, diikuti dengan tanaman lain yang berjumlah 1.9 ribu hektar. Tanaman sayur-sayuran direkodkan seluas 727 hektar, manakala nanas pula ditanam di kawasan seluas 99 hektar. Tanaman koko hanya meliputi tiga hektar, dan tanaman kenaf mencatatkan keluasan sebanyak lima hektar. Statistik ini menunjukkan dominasi tanaman kelapa sawit dalam subsektor tanaman, diikuti oleh tanaman getah dan buah-buahan, manakala tanaman lain mencatatkan keluasan yang lebih kecil.

8.4 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor tanaman di seluruh Melaka adalah 1.2 juta tan metrik. Daripada jumlah ini, kuantiti pengeluaran 176.1 ribu tan metrik merupakan penghasilan daripada pegangan pertanian individu dan 1.0 juta tan metrik daripada pegangan pertanian pertubuhan.

RINGKASAN PENEMUAN

Keluaran hasil pertanian menunjukkan variasi yang ketara mengikut jenis tanaman. Kelapa sawit mencatatkan jumlah pengeluaran tertinggi iaitu sebanyak 1.1 juta tan metrik, menjadikannya penyumbang utama dalam sektor ini. Buah-buahan menyusul dengan pengeluaran sebanyak 57.5 ribu tan metrik, manakala sayur-sayuran mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 17.0 ribu tan metrik. Tanaman lain menghasilkan sebanyak 15.2 ribu tan metrik, diikuti oleh nanas sebanyak 3.9 ribu tan metrik, dan padi sebanyak 6.3 ribu tan metrik. Getah pula mencatatkan pengeluaran sebanyak 6.1 ribu tan metrik, manakala lada direkodkan sebanyak 0.5 tan metrik. Koko mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 0.2 tan metrik dan kenaf sebanyak 48 tan metrik. Data ini menunjukkan bahawa kelapa sawit terus menjadi komoditi utama dari segi jumlah pengeluaran, manakala tanaman seperti koko dan kenaf masih berada pada tahap pengeluaran yang rendah berbanding tanaman lain.

8.5 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Secara keseluruhannya, nilai jualan bagi subsektor tanaman di Melaka merekodkan RM1.6 bilion, di mana daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan RM1.2 bilion (71.5%) Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak RM459.4 juta (28.5%) kepada jumlah nilai jualan pertanian di Melaka.

Dari segi nilai jualan, kelapa sawit kekal sebagai penyumbang tertinggi dengan jumlah sebanyak RM1.0 bilion, mencerminkan kedudukannya yang dominan dalam subsektor tanaman. Buah-buahan mencatatkan nilai jualan kedua tertinggi sebanyak RM418.4 juta, diikuti oleh sayur-sayuran dengan jumlah RM81.9 juta. Getah menunjukkan nilai jualan sebanyak RM41.7 juta, manakala tanaman lain menyumbang RM28.4 juta.

Padi mencatatkan nilai sebanyak RM7.5 juta, manakala nanas berjumlah RM11.1 juta. Nilai jualan bagi lada adalah sebanyak RM11.6 ribu, diikuti oleh kenaf dengan RM16.7 ribu, manakala koko mencatatkan nilai jualan paling rendah iaitu hanya RM719. Data ini jelas menunjukkan bahawa kelapa sawit dan buah-buahan merupakan penyumbang utama kepada pendapatan hasil pertanian, manakala tanaman seperti koko, lada dan kenaf masih memberikan sumbangan yang amat kecil dari segi nilai pasaran.

8.6 SARA DIRI TANAMAN PADI

Hasil penemuan Banci Pertanian 2024 melaporkan seramai 244 individu yang terlibat dalam aktiviti penanaman padi di Melaka. Semua pesawah sara diri di Melaka merupakan warganegara. Bilangan pesawah sara diri perempuan mendahului bilangan pesawah sara diri lelaki dengan masing-masing merekodkan 128 (52.5%) perempuan dan 116 lelaki (47.5%).

RINGKASAN PENEMUAN

Pesawah padi yang berumur 15 hingga 30 tahun serta 60 tahun dan ke atas merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti penanaman padi secara sara diri, iaitu masing-masing sebanyak 32.8 peratus dan 26.6 peratus.

Paparan 17: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Melaka, 2023

The infographic features a central title "Subsektor Tanaman" above a landscape illustration. Below it, three icons represent different agricultural entities: a family of four for "Pegangan Pertanian", two individuals for "Individu", and a cluster of buildings for "Pertubuhan". A table below provides detailed data for each category.

	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan	
	Keluasan Bertanam ('000 Hektar)	78.0	24.6	53.4
	Keluasan Bertuai ('000 Hektar)	70.4	22.6	47.8
	Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	1,207.4	175.4	1,032.0
	Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	1,202.1	170.5	1,031.6
	Nilai Jualan (RM juta)	1,612.83	459.43	1,153.40



SUBSEKTOR TERNAKAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

RINGKASAN PENEMUAN

9.0 PARAMETER SUBSEKTOR TERNAKAN, MELAKA

9.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa 1,111 pegangan pertanian individu dalam subsektor ternakan direkodkan pada tahun 2023 di Melaka. Daripada jumlah ini, 989 (89.0%) merupakan pegangan ternakan individu, manakala baki 122 (11.0%) merupakan pegangan ternakan pertubuhan.

9.1.1 KEWARGANEGARAAN

Daripada 989 orang yang terlibat dalam aktiviti ternakan di Melaka, 100 peratus adalah terdiri daripada warganegara.

Paparan 18: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Kewarganegaraan, Subsektor Ternakan, Melaka, 2023



9.1.2 JANTINA

Lelaki mendominasi penglibatan dalam subsektor ternakan sebanyak 912 orang (92.2 %) dan selebihnya adalah perempuan seramai 77 orang (7.8 %).

Paparan 19: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Jantina, Subsektor Ternakan, Melaka, 2023




RINGKASAN PENEMUAN

9.1.3 KUMPULAN UMUR

Pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian dalam subsektor ternakan, iaitu masing-masing sebanyak 36.5 peratus dan 33.4 peratus.


Paparan 20: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Kumpulan Umur, Subsektor Ternakan, Melaka, 2023



9.1.4 KUMPULAN ETNIK

Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 89.7 peratus dengan seramai 887 orang. Manakala Cina, India dan lain-lain menyumbang sebanyak 1.9 peratus, 8.2 peratus dan 0.2 peratus.

Paparan 21: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Kumpulan Etnik, Subsektor Ternakan, Melaka, 2023




RINGKASAN PENEMUAN

9.1.5 TARAF PERKAHWINAN

Daripada 989 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian dalam subsektor ternakan di Melaka, pengusaha yang berkahwin mencapai peratusan tertinggi iaitu sebanyak 79.6 peratus. Manakala, kedua tertinggi adalah pengusaha yang tidak pernah berkahwin dengan rekod sebanyak 11.5 peratus. Walaubagaimanapun, pengusaha yang duda mahupun balu mencatat peratusan sebanyak 7.9 peratus.


**Paparan 22: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Taraf Perkahwinan,
Subsektor Ternakan, Melaka, 2023**



9.1.6 SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH

Sebanyak 53.9 peratus pegangan pertanian dalam subsektor ternakan individu di Melaka mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah manakala sebanyak 24.5 peratus mempunyai sijil peringkat rendah.

**Paparan 23: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh,
Subsektor Ternakan, Melaka, 2023**



RINGKASAN PENEMUAN

9.2 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi ternakan hidup dan hasil ternakan hidup ialah 85.8 juta ekor dan 342.5 ribu kilogram. Bagi kuantiti pengeluaran telur ayam/itik dan hasil susu/burung walet pula 3.2 bilion biji dan 2.0 juta liter. Angka tersebut menunjukkan jumlah kuantiti pengeluaran bagi semua subsektor ternakan di negeri Melaka.

9.3 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Kuantiti jualan merekodkan 125.9 ribu kilogram bagi ternakan hidup dan hasil sejumlah 75.1 juta ekor. Manakala nilai jualan bagi subsektor ternakan di Melaka merekodkan RM1.9 bilion, di mana daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan RM1.7 bilion. Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak RM241.4 juta kepada jumlah nilai jualan pertanian di Melaka.

Paparan 24: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Melaka, 2023

Subsektor Ternakan				
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan	
	Kuantiti Pengeluaran ('000)			
i. Kilogram	342.5	4.3	338.2	
ii. Biji	3,167,553.0	500,380.0	2,667,173.0	
iii. Ekor	85,781.0	156.0	85,626.0	
iv. Liter	1,954.50	800.2	1,154.3	
	Kuantiti Jualan ('000)			
i. Kilogram	125.9	4.2	121.6	
ii. Biji	3,150,412.0	500,333.0	2,650,079.0	
iii. Ekor	75,138.0	117.0	75,020.0	
iv. Liter	1,949.63	795.4	1,154.2	
	Nilai Jualan (RM juta)	1,923.53	241.44	1,682.09



SUBSEKTOR PERIKANAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

RINGKASAN PENEMUAN

10.0 PARAMETER SUBSEKTOR PERIKANAN, MELAKA

10.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 768 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 bagi subsektor perikanan. Daripada jumlah ini, 762 (99.2%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 6 (0.8%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

10.1.1 KEWARGANEGARAAN

Daripada 762 orang yang terlibat dalam aktiviti perikanan di Melaka, keseluruhan 100 peratus adalah terdiri daripada warganegara dan bagi bukan warganegara adalah tiada.

Paparan 25: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Kewarganegaraan, Subsektor Perikanan, Melaka, 2023



10.1.2 JANTINA

Lelaki mendominasi penglibatan dalam subsektor perikanan sebanyak 99.9 peratus dan selebihnya adalah perempuan seramai seorang sahaja (0.1 peratus).

Paparan 26: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Jantina, Subsektor Perikanan, Melaka, 2023




RINGKASAN PENEMUAN

10.1.3 KUMPULAN UMUR

Pegangan pertanian bagi subsektor perikanan, individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar, iaitu masing-masing sebanyak 45.4 peratus dan 35.4 peratus.


**Paparan 27: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Kumpulan Umur,
Subsektor Perikanan, Melaka, 2023**



10.1.4 KUMPULAN ETNIK

Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 84.1 peratus dengan seramai 641 orang. Manakala Cina dan Lain-lain menyumbang sebanyak 11.7 peratus dan 4.2 peratus.

**Paparan 28: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Kumpulan Etnik,
Subsektor Perikanan, Melaka, 2023**




RINGKASAN PENEMUAN

10.1.5 TARAF PERKAHWINAN

Daripada 762 individu yang terlibat dalam aktiviti pertanian bagi subsektor perikanan di Melaka, pengusaha yang berkahwin mencapai peratusan tertinggi iaitu sebanyak 81.0 peratus. Manakala, kedua tertinggi adalah balu mahupun duda dengan sebanyak 12.6 peratus. Walaubagaimanapun, pengusaha yang tidak pernah berkahwin mencatat peratusan sebanyak 6.0 peratus.


**Paparan 29: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Taraf Perkahwinan,
Subsektor Perikanan, Melaka, 2023**



10.1.6 SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH

Manakala 60.9 peratus pegangan pertanian individu di Melaka mempunyai sijil tertinggi peringkat rendah dan sebanyak 25.7 peratus mempunyai sijil peringkat menengah.

**Paparan 30: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh,
Subsektor Perikanan, Melaka, 2023**



RINGKASAN PENEMUAN


10.2 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor perikanan di Melaka adalah sebanyak 2.0 ribu tan metrik. Angka tersebut menunjukkan rekod yang diperolehi berdasarkan Banci Pertanian 2023.

10.3 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan kuantiti jualan hasil perikanan tangkapan Melaka direkodkan sebanyak 2.0 ribu tan metrik. Manakala, nilai jualan hasil perikanan tangkapan Melaka direkodkan sebanyak RM49.8 juta.

Paparan 31: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Melaka, 2023





SUBSEKTOR AKUAKULTUR

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

RINGKASAN PENEMUAN

11.0 PARAMETER SUBSEKTOR AKUAKULTUR, MELAKA

11.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 189 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 bagi subsektor akuakultur. Daripada jumlah ini, 141 (74.6%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 48 (25.4%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

11.1.1 KEWARGANEGARAAN

Daripada 141 orang yang terlibat dalam aktiviti subsektor akuakultur di Melaka, 100 peratus adalah terdiri daripada warganegara dan tiada daripada bukan warganegara.

Paparan 32: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Kewarganegaraan, Subsektor Akuakultur, Melaka, 2023



11.1.2 JANTINA

Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor akuakultur sebanyak 93.6 peratus dan selebihnya adalah perempuan seramai 9 orang (6.4%).

Paparan 33: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Jantina, Subsektor Akuakultur, Melaka, 2023




RINGKASAN PENEMUAN

11.1.3 KUMPULAN UMUR

Pegangan pertanian bagi subsektor akuakultur individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 32.6 peratus dan 36.2 peratus.


**Paparan 34: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Kumpulan Umur,
Subsektor Akuakultur, Melaka, 2023**



11.1.4 KUMPULAN ETNIK

Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan terbesar iaitu 83.0 peratus dengan seramai 117 pegangan pertanian individu. Manakala Cina dan India menyumbang sebanyak 15.6 peratus dan 1.4 peratus.

**Paparan 35: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Kumpulan Etnik,
Subsektor Akuakultur, Melaka, 2023**




RINGKASAN PENEMUAN

11.1.5 TARAF PERKAHWINAN

Daripada 141 individu pegangan pertanian yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Melaka, pengusaha yang berkahwin mencapai peratusan tertinggi iaitu sebanyak 83.7 peratus. Manakala, kedua tertinggi adalah tidak pernah berkahwin dengan sebanyak 9.2 peratus. Walaubagaimanapun, pengusaha yang balu atau duda mencatat peratusan sebanyak 6.4 peratus.


**Paparan 36: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Taraf Perkahwinan,
Subsektor Akuakultur, Melaka, 2023**



11.1.6 SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH

Manakala 61.7 peratus pegangan pertanian individu di Melaka mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah dan sebanyak 15.6 peratus mempunyai sijil peringkat sekolah rendah.

**Paparan 37: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh,
Subsektor Akuakultur, Melaka, 2023**



RINGKASAN PENEMUAN

11.2 KUANTITI PENGELUARAN

Kuantiti pengeluaran bagi subsektor akuakultur di seluruh Melaka adalah sebanyak 4.6 ribu tan metrik dan 5.3 juta ekor bagi ikan hiasan serta baka dan benih.

11.3 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Seterusnya, kuantiti jualan bagi subsektor akuakultur mencapai 4.1 ribu tan metrik. Manakala, kuantiti jualan bagi baka dan benih ikan serta ikan hiasan merekodkan kuantiti jualan 5.3 juta ekor. Banci Pertanian 2024 menunjukkan subsektor akuakultur menghasilkan nilai jualan sebanyak RM37.0 juta pada tahun 2023.

Paparan 38: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Melaka, 2023

Subsektor Akuakultur			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran ('000)			
i. Tan Metrik	4.6	0.5	4.2
ii. Ekor	5,266.0	93.0	5,172.0
 Kuantiti Jualan ('000)			
i. Tan Metrik	4.1	0.5	3.7
ii. Ekor	5,265.0	93.0	5,172.0
 Nilai Jualan (RM juta)	37.01	4.35	32.66

The background image shows an aerial perspective of a massive pile of cut tree logs. The logs are stacked in several long rows, filling most of the frame. They vary in size and color, from light tan to dark brown, with some showing signs of weathering and discoloration. The ground around the logs appears to be a mix of soil and some sparse vegetation. In the top right corner, there's a small patch of green trees, and the bottom right corner shows more dense green foliage. The overall scene conveys a sense of significant deforestation or logging activity.

SUBSEKTOR PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

RINGKASAN PENEMUAN

12.0 PARAMETER SUBSEKTOR PERHUTANAN, MELAKA

12.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa hanya dua pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Melaka. Daripada jumlah ini, hanya seorang (1) pengusaha merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki seorang (1) pengusaha merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Pegangan pertanian individu bagi subsektor perhutanan di Melaka ini, merupakan seorang (1) warganegara lelaki. Individu ini juga dalam lingkungan umur 15 hingga 30 tahun dan sudah berkahwin. Rekod juga menunjukkan individu ini tidak mempunyai sijil.

12.2 KUANTITI PENGETAHUAN

Kuantiti pengeluaran subsektor perhutanan di Melaka adalah sebanyak 2.9 ribu kilogram bagi aktiviti hasil hutan bukan kayu. Pegangan pertanian pertubuhan menyumbang kuantiti pengeluaran terbesar dengan jumlah 2.6 ribu kilogram dan selebihnya adalah daripada pegangan individu (280.0 kilogram).

12.3 KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Aktiviti hasil hutan bukan kayu merekodkan kuantiti jualan sebanyak 2.9 ribu tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM450.0 ribu secara keseluruhannya. Kuantiti jualan bagi pegangan pertanian individu merekodkan jumlah lebih kecil iaitu 9.4 peratus berbanding pertubuhan, 90.4 peratus.

Paparan 39: Parameter Utama Subsektor Perhutanan, Melaka, 2023

Subsektor Perhutanan & Pembalakan			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran	2,920.0	280.0	2,640.0
i. Kilogram			
ii. Meter Padu			
 Kuantiti Jualan	2,920.0	280.0	2,640.0
i. Kilogram			
ii. Meter Padu			
 Nilai Jualan (RM ribu)	449.87	7.00	442.87

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



DAERAH ALOR GAJAH

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong


RINGKASAN PENEMUAN

13.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, ALOR GAJAH

13.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 5,040 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Alor Gajah. Daripada jumlah ini, 4,802 (95.3%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 238 (4.7%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 40: Pegangan Pertanian, Alor Gajah, Melaka, 2023



Daripada 4,802 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Alor Gajah, hampir 100.0 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 71.4 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 55.0 peratus dan 28.1 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 73.5 peratus. Manakala 41.6 peratus pegangan pertanian individu di Alor Gajah mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah.

RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 41: Profil Pegangan Pertanian Individu, Alor Gajah, Melaka, 2023



RINGKASAN PENEMUAN

13.2 KELUASAN, KUANTITI PENGETAHUAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Alor Gajah pada tahun 2023 adalah seluas 33.1 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 10.7 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 22.4 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 29.7 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertubuhan dengan jumlah 19.9 ribu hektar.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Alor Gajah mencatatkan 513.0 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran kedua tertinggi di Melaka. Kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 462.8 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah buah-buahan dan tanaman lain dengan masing-masing menghasilkan 28.6 ribu tan metrik dan 9.6 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 462.8 ribu tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah buah-buahan dan tanaman lain dengan masing-masing mengeluarkan 27.9 ribu tan metrik dan 9.0 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM633.5 juta bagi Alor Gajah.

Paparan 42: Parameter Utama Subsektor Tanaman bagi Tiga Jenis Tanaman Teratas, Alor Gajah, Melaka, 2023



Kelapa Sawit

Keluasan Bertanam: 23,562 hektar
Nilai Jualan: RM430.07 juta



Buah-Buahan

Keluasan Bertanam: 3,601 hektar
Nilai Jualan: RM132.96 juta



Tanaman Lain

Keluasan Bertanam: 1,414 hektar
Nilai Jualan: RM15.15 juta

Paparan 43: Statistik Buah-buahan Mengikut Jenis Utama, Alor Gajah, Melaka, 2023



Tembikai

Kuantiti Pengeluaran: 16,630.8 tan metrik
Nilai Jualan ('000): RM38,440.38



Buah Naga

Kuantiti Pengeluaran: 1,894.5 tan metrik
Nilai Jualan ('000): RM8,428.34



Durian

Kuantiti Pengeluaran: 3,134.4 tan metrik
Nilai Jualan ('000): RM61,396.89

RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 44: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Alor Gajah, Melaka, 2023



Subsektor Tanaman



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan

	Keluasan Bertanam ('000 Hektar)	33.1	10.7	22.4
	Keluasan Bertuai ('000 Hektar)	29.7	9.9	19.9
	Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	513.0	73.8	439.1
	Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	511.6	72.7	438.9
	Nilai Jualan (RM juta)	633.49	160.20	473.28


Kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan, merekodkan 1.7 billion biji telur dan 1.0 juta liter susu segar. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 1.7 billion biji telur dan 1.0 juta liter susu segar. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM820.6 juta. Begitu juga dengan kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan adalah sebanyak 55.6 juta ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 49.8 juta ekor dijual pada tahun 2023. Dapatan ini menunjukkan ternakan hidup utama di Alor Gajah adalah ayam/itik, kambing/bebiri dan lembu/kerbau dengan masing-masing merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 5.2 juta ekor, 2.5 ribu ekor dan 2.2 ribu ekor.

RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 45: Parameter Utama Subsektor Ternakan Bagi Ternakan Hidup, Alor Gajah, Melaka, 2023



Paparan 46: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Alor Gajah, Melaka, 2023




RINGKASAN PENEMUAN

Aktiviti perikanan tangkapan di Alor Gajah mencatatkan kuantiti pengeluaran 645.0 tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 628.0 tan metrik. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 17.0 tan metrik.

Kuantiti jualan pula merekodkan 644.0 tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 627.0 tan metrik, manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 17.0 tan metrik. Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM15.8 juta.


Paparan 47: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Alor Gajah, Melaka, 2023



Subsektor akuakultur di Alor Gajah merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 3.3 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 2.6 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 1.7 juta ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM19.0 juta.

RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 48: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Alor Gajah, Melaka, 2023



Subsektor Akuakultur			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran ('000)			
i. Tan Metrik	3.4	0.2	3.1
ii. Ekor	1,672.0	24.0	1,648.0
Kuantiti Jualan ('000)			
i. Tan Metrik	2.6	0.2	2.7
ii. Ekor	1,672.0	24.0	1,648.0
Nilai Jualan (RM juta)	18.97	1.99	16.99

Paparan 49: Kuantiti Pengeluaran Akuakultur, Alor Gajah, Melaka, 2023



RINGKASAN PENEMUAN

Kuantiti pengeluaran dan kuantiti jualan bagi hasil hutan bukan kayu di Alor Gajah direkodkan sebanyak 280.0 kilogram yang disumbang oleh pegangan pertanian individu sahaja. Subsektor perhutanan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM7.0 ribu.

Paparan 50: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Alor Gajah, Melaka, 2023

Subsektor Perhutanan & Pembalakan			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran			
i. Kilogram	280.0	280.0	0
ii. Meter Padu	-	-	-
Kuantiti Jualan			
i. Kilogram	280.0	280.0	0
ii. Meter Padu	-	-	-
Nilai Jualan (RM ribu)	7.00	7.00	0

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Alor Gajah merekodkan RM1.5 billion, di mana 87.2 peratus daripadanya disumbang oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM1.3 billion). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 12.8 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Alor Gajah iaitu RM190.5 juta. Penyumbang utama aktiviti pertanian di Alor Gajah adalah subsektor ternakan dan akuakultur (air payau dan air tawar).



DAERAH JASIN


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

14.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, JASIN

14.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Penemuan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 5,877 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Jasin, Melaka. Daripada jumlah ini, 5,669 (96.5%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 208 (3.5%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 51: Pegangan Pertanian, Jasin, Melaka 2023




Daripada 5,877 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Jasin, hampir 100 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 72.8 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 57.6 peratus dan 27.5 peratus.

Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan terbesar di Jasin iaitu sebanyak 82.2 peratus. Manakala 40.8 peratus pegangan pertanian individu di Jasin mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah.

RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 52: Profil Pegangan Pertanian Individu, Jasin, Melaka, 2023



RINGKASAN PENEMUAN

14.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah kluasan bertanam di Jasin pada tahun 2023 adalah seluas 36.4 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 10.4 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 26.1 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, kluasan bertuai merekodkan 33.3 ribu hektar, di mana kluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah 23.7 ribu hektar. Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di daerah Jasin mencatatkan 581.1 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran kedua tertinggi di Melaka dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 547.4 ribu tan metrik.

Pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah buah-buahan dan sayur-sayuran dengan masing-masing menghasilkan 16.9 ribu tan metrik dan 6.5 ribu tan metrik kuantiti pengeluaran. Kuantiti jualan subsektor tanaman di Jasin pula mencatatkan 580.2 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 547.4 ribu tan metrik. Seterusnya, kuantiti jualan kedua dan ketiga tertinggi adalah buah-buahan dan sayur-sayuran dengan masing-masing mengeluarkan 16.3 ribu tan metrik dan 6.4 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM777.6 juta.

Paparan 53: Parameter Utama Subsektor Tanaman bagi Tiga Jenis Tanaman Teratas, Jasin, Melaka, 2023



Paparan 54: Statistik Buah-buahan Mengikut Jenis Utama, Jasin, Melaka, 2023



RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 55: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Jasin, Melaka, 2023



Subsektor Tanaman



Pegangan Pertanian Individu Pertumbuhan

	36.4	10.4	26.1
Keluasan Bertanam ('000 Hektar)	36.4	10.4	26.1
Keluasan Bertuai ('000 Hektar)	33.3	9.6	23.7
Kuantiti Pengeluaran ('000 Tan Metrik)	581.1	81.0	501.4
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	580.2	79.2	501.3
Nilai Jualan (RM juta)	777.64	210.19	567.45


Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Jasin adalah sebanyak 26.7 juta ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 21.9 juta ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 1.4 bilion biji telur dan 882.3 ribu liter susu segar. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 1.4 bilion biji telur dan 882.0 ribu liter susu segar. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM997.9 juta. Dapatkan ini menunjukkan ternakan hidup utama di Jasin adalah ayam/itik dengan kuantiti pengeluaran terbesar iaitu 20.8 juta ekor. Manakala lembu/kerbau dan kambing/bebiri masing-masing merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 11.4 ribu ekor dan 5.2 ribu ekor.

Paparan 56: Parameter Utama Subsektor Ternakan Bagi Ternakan Hidup, Jasin, Melaka, 2023



RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 57: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Jasin, Melaka, 2023




Aktiviti perikanan tangkapan di Jasin mencatatkan jumlah pengeluaran 429.0 tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut di Jasin mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 417.0 tan metrik, bersamaan 97.2 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 12.0 tan metrik atau hanya 2.8 peratus.

Kuantiti jualan pula merekodkan 427.0 tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 416.0 tan metrik (97.2%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 12.0 tan metrik (2.8%). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM11.7 juta.

RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 58: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Jasin, Melaka, 2023



Subsektor akuakultur di Jasin merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 706.0 tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 702.0 tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 3.3 juta ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM11.1 juta.

Paparan 59: Kuantiti Pengeluaran Akuakultur, Jasin, Melaka, 2023



RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 60: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Jasin, Melaka, 2023

Subsektor Akuakultur					
	Pegangan Pertanian		Individu		Pertubuhan
	Kuantiti Pengeluaran ('000)				
i. Tan Metrik	0.7	0.1	0.6		
ii. Ekor	3,349.0	19.0	3,330.0		
	Kuantiti Jualan ('000)				
i. Tan Metrik	0.7	0.1	0.6		
ii. Ekor	3,349.0	19.0	3,330.0		
	Nilai Jualan (RM juta)	11.14	1.40	9.73	

Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Jasin merekodkan RM1.8 bilion, di mana 75.5 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM1.4 bilion). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 24.5 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Melaka iaitu RM441.33 juta. Jasin merupakan penyumbang utama bagi subsektor tanaman terutamanya dalam penanaman kelapa sawit.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



DAERAH MELAKA TENGAH

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong


RINGKASAN PENEMUAN

15.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, MELAKA TENGAH

15.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Penemuan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 2,907 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Melaka Tengah. Daripada jumlah ini, 2,551 (87.8%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 356 (12.2%) merupakan pegangan pertubuhan.


Paparan 61: Pegangan Pertanian, Melaka Tengah, Melaka, 2023



Daripada 2,551 pegangan pertanian individu yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Melaka Tengah, hampir 100.0 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 81.8 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 50.3 peratus dan 32.2 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 74.2 peratus. Manakala 45.7 peratus pegangan pertanian individu di Melaka Tengah mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah.

RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 62: Profil Pegangan Pertanian Individu, Melaka Tengah, Melaka, 2023



RINGKASAN PENEMUAN

15.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah kluasan bertanam di Melaka Tengah pada tahun 2023 adalah seluas 8.4 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 3.5 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 4.9 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, kluasan bertuai merekodkan 7.4 ribu hektar, di mana kluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah 4.3 ribu hektar.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Melaka Tengah mencatatkan 113.3 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 91.1 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah buah-buahan dan padi dengan masing-masing menghasilkan 12 ribu tan metrik dan 3.9 ribu tan metrik. Kuantiti jualan bagi subsektor tanaman Jasin pula mencatatkan 110.4 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 91.1 ribu tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah buah-buahan dan padi dengan masing-masing mengeluarkan 9.6 ribu tan metrik dan 3.6 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM201.70 juta.

Paparan 63: Parameter Utama Subsektor Tanaman bagi Tiga Jenis Tanaman Teratas, Melaka Tengah, Melaka, 2023



Kelapa Sawit

Keluasan Bertanam: 4,691 hektar
Nilai Jualan ('000): RM83,166.67



Buah-Buahan

Keluasan Bertanam: 1,301 hektar
Nilai Jualan ('000): RM81,690.37



Tanaman Padi

Keluasan Bertanam: 1,431 hektar
Nilai Jualan ('000): RM4,617.31

Paparan 64: Statistik Buah-buahan Mengikut Jenis Utama, Melaka Tengah, Melaka, 2023



Durian

Kuantiti Pengeluaran: 3,862.0 tan metrik
Nilai Jualan ('000): RM55,551.76



Jambu Batu

Kuantiti Pengeluaran: 2,072.9 tan metrik
Nilai Jualan ('000): RM4,893.69



Buah Naga

Kuantiti Pengeluaran: 940.0 tan metrik
Nilai Jualan ('000): RM5,729.79

RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 65: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Melaka Tengah, Melaka, 2023

Subsektor Tanaman			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Keluasan Bertanam ('000 Hektar)	8.4	3.5	4.9
Keluasan Bertuai ('000 Hektar)	7.4	3.2	4.3
Kuantiti Pengeluaran	113.3	21.8	91.5
Kuantiti Jualan ('000 Tan Metrik)	110.4	19.0	91.4
Nilai Jualan (RM juta)	201.7	89.03	112.7


Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Melaka Tengah adalah sebanyak 3.4 juta ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 3.4 juta ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 55.2 ribu biji telur, 38.7 ribu liter susu segar dan 24.8 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 51.4 ribu biji telur, 38.5 ribu liter susu segar dan 22.0 ribu kilogram hasilan ternakan. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM105.1 juta. Dapatkan ini menunjukkan ternakan hidup utama di Melaka Tengah adalah ayam/itik dengan kuantiti pengeluaran terbesar iaitu 3,389 ribu ekor. Manakala kambing/bebiru dan lembu/kerbau masing-masing merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 2,993 ekor dan 1,897 ekor.

Paparan 66: Parameter Utama Subsektor Ternakan Bagi Ternakan Hidup, Melaka Tengah, Melaka, 2023



RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 67: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Melaka Tengah, Melaka, 2023



Aktiviti perikanan tangkapan di Melaka Tengah mencatatkan jumlah pengeluaran 904.0 tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 899.0 tan metrik, bersamaan 99.4 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 5.0 tan metrik atau hanya 0.6 peratus.

Kuantiti jualan pula merekodkan 903.0 tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 898.0 tan metrik (99.4%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 5.0 tan metrik (0.6%). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM22.2 juta.

RINGKASAN PENEMUAN

Paparan 68: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Melaka Tengah, Melaka, 2023

 Subsektor Perikanan Tangkapan



	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	904.0	885.0	19.0
 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	903.0	884.0	19.0
 Nilai Jualan (RM juta)	22.24	21.56	0.69

Subsektor akuakultur di Melaka Tengah merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 564.0 tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 548.0 tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 244.1 ribu ekor dan 243.8 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM6.9 juta.

Paparan 69: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Melaka Tengah, Melaka, 2023

 Subsektor Akuakultur



	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran ('000)			
i. Tan Metrik	0.6	0.09	0.5
ii. Ekor	244.0	50.0	194.0
 Kuantiti Jualan ('000)			
i. Tan Metrik	0.5	0.09	0.5
ii. Ekor	244.0	50.0	194.0
 Nilai Jualan (RM juta)	6.90	1.00	5.94

RINGKASAN PENEMUAN


Paparan 70: Kuantiti Pengeluaran ('000) Akuakultur, Melaka Tengah, Melaka, 2023



0.04 ribu
tan metrik



0.5 ribu
tan metrik



34.0
ribu ekor



210.1
ribu ekor

RINGKASAN PENEMUAN

Kuantiti pengeluaran dan jualan bagi hasil hutan bukan kayu di Melaka Tengah direkodkan sebanyak 2.6 ribu kilogram (pegangan pertanian pertubuhan). Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM442.9 ribu

Paparan 71: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Melaka Tengah, Melaka, 2023

Subsektor Perhutanan & Pembalakan			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran			
i. Kilogram	2,640.0	-	2,640.0
ii. Meter Padu	-	-	-
Kuantiti Jualan			
i. Kilogram	2,640.0	-	2,640.0
ii. Meter Padu	-	-	-
Nilai Jualan (RM ribu)	442.87	-	442.87

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.

Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Melaka Tengah merekodkan RM336.3 juta, di mana 63.6 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM214.04 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 36.4 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Melaka iaitu RM122.3 juta.

Reses

major changes on
will visit several places
strategic interest and will
discuss possible collabora-



Nasional

Projek PROSPEK guna data banci pertanian kenal pasti ternakan r

Malaysian
Agrikenyataan,
berincangan
masa depan.





ARTIKEL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

RENCANA

Jambu Manis Melaka: Permata Pertanian Baharu Melaka

Azmi Ali

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Melaka

Pengenalan – Melaka dan Potensi Pertaniannya

Melaka, sebuah negeri yang sinonim dengan warisan sejarah, kaya budaya dan destinasi pelancongan yang popular, seringkali tidak dilihat sebagai peneraju dalam sektor pertanian utama. Namun, di sebalik kemasyhuran pusat bandar dan peninggalan bersejarahnya, Melaka sebenarnya memiliki potensi pertanian yang signifikan, terutamanya dalam niche tanaman tertentu. Berbekalkan tanah yang subur di beberapa kawasan dan sokongan agensi kerajaan, negeri ini kini sedang giat mencari identiti baharu dalam produk pertaniannya. Salah satu inisiatif yang menonjol dan berpotensi besar untuk mengangkat nama Melaka dalam peta pertanian negara adalah penjenamaan semula dan pengembangan penanaman Jambu Batu Lohan, yang kini dalam usaha untuk diiktiraf sebagai "Jambu Manis Melaka"¹.

Jambu batu (*Psidium guajava*) merupakan salah satu buah-buahan tropika yang popular di Malaysia. Ia dikenali dengan rasa manis, tekstur rangup dan kandungan vitamin C yang tinggi. Terdapat pelbagai varieti jambu batu yang ditanam di seluruh negara, namun Jambu Batu Lohan mempunyai ciri-ciri istimewa yang membezakannya daripada yang lain. Artikel ini akan menelusuri secara mendalam mengenai Jambu Batu Lohan, perjalannya untuk diangkat sebagai "Jambu Manis Melaka" dan bagaimana inisiatif ini bukan sahaja menjanjikan pulangan ekonomi kepada petani tetapi juga berpotensi untuk menjadi ikon pertanian baharu yang membanggakan negeri bersejarah ini. Kita akan melihat sejarah penanaman, ciri-ciri unik varieti ini, cabaran dan peluang dalam pengembangannya, serta impak sosioekonomi yang dijangka akan dibawa oleh "Jambu Manis Melaka" kepada komuniti pertanian dan pelancongan di negeri itu.¹

Paparan 1: Keratan akhbar Jambu Batu Lohan sebagai Jambu Manis Melaka



¹ https://www.astroawani.com/berita-malaysia/melaka-paten-jambu-melaka-sebagai-ikon-produk-buahbuahan-452947?utm_source=thesun.my&utm_medium=Lohans+Loh+Guava+Jambu+Manis+Melaka
https://thesun.my/malaysia-news/melaka-to-patent-lohan-guava-as-state-s-iconic-fruit-product-BM11952399?utm_source=cj.my&utm_medium=Lohans+Loh+Guava+Jambu+Manis+Melaka
https://cj.my/139604/melaka-set-to-patent-lohan-guava-as-iconic-fruit/?utm_source=thesun.my&utm_medium=Lohans+Loh+Guava+Jambu+Manis+Melaka

RENCANA

Jambu Batu Lohan – Ciri-ciri dan Keistimewaan

Jambu Batu Lohan bukanlah varieti jambu batu yang asing di Malaysia, namun penanamannya secara komersial dan penjenamaannya sebagai produk utama masih dalam peringkat awal. Asal usul namanya tidak begitu jelas, tetapi Jambu Batu Lohan di Melaka khususnya, dikenali dan diusahakan secara meluas di kawasan seperti Pulau Gadong. Apa yang menjadikan Jambu Batu Lohan begitu istimewa dan menarik perhatian untuk dijenamakan semula sebagai "Jambu Manis Melaka" adalah gabungan ciri-ciri intrinsik yang membezakannya daripada varieti jambu batu yang lain di pasaran.

Secara morfologi, Jambu Batu Lohan menghasilkan buah bersaiz sederhana hingga besar, dengan purata berat antara 250 gram hingga 400 gram. Kulit buahnya licin dan nipis, berwarna hijau muda kekuningan apabila matang sepenuhnya. Salah satu ciri yang paling menarik adalah tekstur isinya yang sangat rangup, jauh lebih rangup berbanding kebanyakan varieti jambu batu lain. Kerangupan ini kekal walaupun buah sudah mencapai tahap kematangan penuh, menjadikannya pilihan yang sangat baik untuk dimakan segar. Selain itu, isinya berwarna putih bersih, padat dan mempunyai bilangan biji yang sedikit, kadang-kadang hampir tiada biji di beberapa bahagian buah. Ini adalah kelebihan yang besar kepada pengguna kerana biji jambu batu seringkali dianggap mengganggu pengalaman makan.

Dari segi rasa, Jambu Batu Lohan atau "Jambu Manis Melaka" menepati namanya. Ia menawarkan rasa manis yang konsisten dengan sedikit kemasaman yang seimbang, memberikan profil rasa yang menyegarkan dan tidak memuakkan. Aroma buahnya juga agak harum dan menarik. Kualiti rasa dan tekstur inilah yang menjadi faktor utama dalam usaha mempopularkannya. Petani dan agensi pertanian di Melaka melihat potensi besar Jambu Batu Lohan untuk menjadi pilihan utama pengguna yang mencari jambu batu berkualiti tinggi untuk pasaran segar dan juga untuk pemprosesan. Potensi kesesuaian tanah di Melaka, terutamanya di kawasan seperti Pulau Gadong, juga menyumbang kepada kualiti buah Jambu Batu Lohan yang dihasilkan, menjadikannya unik dan beridentiti tersendiri di negeri ini.

Perjalanan Menuju "Jambu Manis Melaka" – Inisiatif dan Sokongan

Pengiktirafan Jambu Batu Lohan sebagai "Jambu Manis Melaka" bukanlah satu proses yang berlaku secara spontan, tetapi merupakan hasil daripada inisiatif bersepadan dan sokongan padu daripada pelbagai pihak. Jabatan Pertanian Negeri Melaka, bersama-sama dengan agensi-agensi persekutuan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), telah memainkan peranan penting dalam mendorong agenda ini².

² <https://www.melakahariini.my/jambu-manis-melaka-bakal-jadi-ikon-baharu-produk-pertanian/?utm>

RENCANA

Matlamat utama adalah untuk menjadikan Jambu Batu Lohan bukan sahaja sebagai komoditi pertanian yang menjana pendapatan, tetapi juga sebagai lambang kebanggaan negeri.

Langkah pertama dalam proses penjenamaan ini adalah melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D). MARDI, dengan kepakaran saintifiknya, telah melakukan kajian ke atas kualiti varieti Jambu Batu Lohan yang ditanam di Melaka, mengesahkan ciri-ciri unik dan kualiti premiumnya. Penyelidikan ini termasuk analisis tanah, amalan kultur yang optimum, dan juga kajian pasaran untuk mengenal pasti penerimaan pengguna. Hasil kajian ini memberikan justifikasi kukuh untuk usaha penjenamaan.

Seterusnya, Jabatan Pertanian Melaka telah giat melaksanakan program pengembangan dan bantuan kepada petani tempatan. Ini termasuk penyediaan benih berkualiti tinggi, latihan tentang amalan pertanian baik (GAP) untuk memastikan kualiti dan keselamatan produk, serta bimbingan teknikal. Subsidi baja dan racun perosak, serta bantuan peralatan pertanian, juga diberikan kepada petani yang berminat untuk mengusahakan Jambu Batu Lohan secara komersial. Objektifnya adalah untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti hasil, di samping menarik lebih ramai petani untuk menceburi penanaman varieti ini.

Aspek pemasaran dan promosi juga diberi penekanan serius. FAMA, sebagai agensi pemasaran pertanian negara, memainkan peranan penting dalam membantu petani memasarkan hasil mereka ke pasaran yang lebih luas, termasuk pasaraya besar, pasaran borong dan juga melalui platform e-dagang. Kempen promosi yang memfokuskan kepada keunikian "Jambu Manis Melaka" sedang giat dijalankan, termasuk penyertaan dalam pameran pertanian, promosi di media massa dan pembangunan bahan promosi seperti risalah dan poster. Kerajaan negeri sendiri telah memberikan sokongan yang kuat, seringkali mempromosikan "Jambu Manis Melaka" dalam acara-acara rasmi negeri dan menyeru rakyat Melaka untuk menyokong produk tempatan ini. Ini semua adalah langkah-langkah yang penting dalam memastikan Jambu Batu Lohan dikenali ramai sebagai "Jambu Manis Melaka" yang mempunyai nilai dan kualiti tersendiri.

Impak Sosioekonomi dan Masa Depan "Jambu Manis Melaka"

Pengembangan dan penjenamaan "Jambu Manis Melaka" bukan sekadar projek pertanian; ia adalah satu inisiatif pembangunan sosioekonomi yang menyeluruh dengan impak yang signifikan kepada komuniti tempatan dan negeri Melaka secara amnya. Jika dilaksanakan dengan jayanya, ia berpotensi untuk mengubah landskap pertanian Melaka dan memberikan manfaat jangka panjang kepada pelbagai pihak ³.

³ <https://suaramerdeka.com.my/jual-jambu-mampu-raih-pendapat-rm40000-sebulan/?utm>
<https://www.melakahariini.my/tuah-jambu-lohan-raih-pendapatan-rm12000-seminggu/?utm>

RENCANA

Impak Sosioekonomi:

Projek ini menyediakan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan kepada petani. Dengan peningkatan permintaan dan penanaman berskala lebih besar, lebih ramai petani akan terlibat dalam pengeluaran "Jambu Manis Melaka", sekali gus meningkatkan taraf hidup mereka. Petani-petani kecil terutamanya, akan mendapat manfaat daripada bimbingan dan sokongan teknikal, membolehkan mereka mengamalkan pertanian moden dan efisien.

Selain itu, ia akan merancakkan ekonomi luar bandar. Apabila pertanian "Jambu Manis Melaka" berkembang, ia akan mewujudkan industri sokongan seperti pembekal input pertanian, pengangkutan, pemprosesan dan pemasaran. Ini akan mewujudkan rantai nilai yang lengkap dan menjana aktiviti ekonomi di kawasan luar bandar Melaka, mengurangkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar.

Dari perspektif pelancongan, "Jambu Manis Melaka" boleh menjadi satu tarikan baharu. Ia menawarkan pengalaman yang unik kepada pelancong yang ingin meneroka sisi lain Melaka di luar tarikan sejarah dan budaya. Agropelancongan boleh membantu memperluaskan kepelbagaian produk pelancongan negeri dan menarik segmen pelancong yang berbeza, sekali gus meningkatkan perbelanjaan pelancong di negeri ini.

Dari segi identiti negeri, "Jambu Manis Melaka" berpotensi untuk menjadi salah satu produk ikonik Melaka, setanding dengan produk-produk pelancongan dan makanan lain yang sedia ada. Ini akan memperkuuhkan jenama Melaka dan memberikan kebanggaan kepada penduduk Melaka.

Masa Depan "Jambu Manis Melaka":

Masa depan "Jambu Manis Melaka" kelihatan cerah, tetapi kejayaannya akan bergantung kepada beberapa faktor kritikal. Penyelidikan dan pembangunan (R&D) berterusan adalah penting untuk memastikan varieti ini sentiasa relevan dan berdaya saing. Ini termasuk kajian mengenai amalan kultur yang lebih lestari, kawalan perosak yang lebih efektif, dan mungkin juga pembangunan varieti baharu yang lebih tahan penyakit atau mempunyai ciri-ciri pasaran yang lebih baik.

Penggunaan teknologi pertanian moden seperti IoT (*Internet of Things*), pertanian pintar dan automasi juga akan memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Ini akan membantu mengatasi cabaran tenaga kerja dan memastikan kualiti hasil yang konsisten.

RENCANA

Kerjasama erat antara petani, agensi kerajaan, sektor swasta dan institusi penyelidikan adalah kunci kepada kejayaan. Model kerjasama yang kukuh akan memastikan bahawa semua pihak bergerak ke arah matlamat yang sama dan sumber dapat digunakan secara optimum. Strategi pemasaran yang inovatif dan agresif akan terus diperlukan untuk menembusi pasaran baharu dan mengekalkan permintaan. Penjenamaan "Jambu Manis Melaka" perlu sentiasa diperkuuhkan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Dengan komitmen dan usaha berterusan, "Jambu Manis Melaka" mempunyai potensi yang besar untuk berkembang menjadi permata pertanian baharu bagi negeri Melaka, menyumbang bukan sahaja kepada ekonomi pertanian tetapi juga kepada identiti dan kebanggaan negeri bersejarah ini. Ia adalah contoh bagaimana sumber tempatan dapat dibangunkan untuk mencapai impak sosioekonomi yang signifikan dan lestari.

Penerapan Teknologi dalam Penanaman dan Pengurusan "Jambu Manis Melaka"

Seiring dengan kemajuan pesat dalam era digital dan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0), sektor pertanian juga sedang mengalami transformasi yang signifikan melalui penerapan teknologi moden. Untuk memastikan kelestarian, kecekapan, dan daya saing "Jambu Manis Melaka" di pasaran, pengaplikasian teknologi canggih adalah amat penting. Melaka, melalui agensi-agensi pertanian dan petani progresif, sedang giat meneroka dan mengimplementasikan pelbagai teknologi⁴.

Antara teknologi utama yang boleh dan sedang diterapkan dalam pengurusan ladang Jambu Manis Melaka termasuk:

- Sistem Pengairan Pintar (*Smart Irrigation Systems*): Penggunaan sensor kelembapan tanah dan data ramalan cuaca membolehkan sistem pengairan di ladang beroperasi secara automatik, menghantar air pada jumlah yang tepat dan pada masa yang optimum. Ini bukan sahaja menjimatkan sumber air, tetapi juga memastikan pokok menerima nutrien yang mencukupi untuk pertumbuhan dan penghasilan buah yang berkualiti, sekali gus mengurangkan pembaziran.
- Penderiaan Jauh dan *Drone* (*Remote Sensing and Drones*): Teknologi *drone* yang dilengkapi dengan kamera multi-spektrum atau terma boleh digunakan untuk memantau kesihatan pokok, mengesan serangan perosak atau penyakit pada peringkat awal dan menilai keperluan nutrien tanaman. Data yang dikumpul membantu petani membuat keputusan yang lebih tepat dan pantas, membolehkan tindakan pencegahan atau rawatan yang lebih berkesan.

⁴ <https://epengembangan.doa.gov.my/teknologi/teknologi-penanaman/model-farm-ms/model-farm-jambu-batu/?utm>
<https://www.melakahariini.my/pertanian-melaka-perlu-seajar-perkembangan-teknologi-exco/?utm>

- *Precision Agriculture*: Melibatkan penggunaan data dan analisis untuk mengoptimumkan penggunaan sumber seperti baja dan racun perosak. Dengan memetakan kawasan ladang yang mempunyai keperluan berbeza, petani dapat mengaplikasikan input secara spesifik di mana ia diperlukan, mengurangkan kos dan impak negatif terhadap alam sekitar. Sistem *Global Positioning System (GPS)* dan *Geographic Information System (GIS)* sering digunakan dalam konteks ini.
- *Internet of Things (IoT)* dalam Pemantauan Ladang: Penderia IoT boleh dipasang di seluruh ladang untuk memantau pelbagai parameter seperti suhu, kelembapan udara, pH tanah dan keamatan cahaya matahari secara masa nyata. Data ini disalurkan ke platform pusat, membolehkan petani memantau keadaan ladang dari jauh melalui peranti mudah alih dan mengambil tindakan sewajarnya.
- Teknologi Selepas Tuai (*Post-Harvest Technology*): Untuk mengekalkan kesegaran dan kualiti Jambu Manis Melaka selepas dituai, teknologi seperti bilik sejuk beku terkawal (*controlled atmosphere storage*) dan teknik pembungkusan yang inovatif digunakan. Ini memanjangkan jangka hayat buah, mengurangkan kerugian pasca-tuai dan membolehkan buah dihantar ke pasaran yang lebih jauh.
- Platform E-Dagang dan Pemasaran Digital: Penggunaan platform dalam talian dan media sosial bukan sahaja untuk promosi, tetapi juga untuk penjualan langsung kepada pengguna. Ini membolehkan petani mencapai pasaran yang lebih luas, mengurangkan pergantungan kepada orang tengah dan memperoleh margin keuntungan yang lebih baik.

Penerapan teknologi ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi ladang, tetapi juga membantu dalam penghasilan Jambu Manis Melaka yang lebih konsisten dari segi kualiti dan kuantiti. Ia juga menjadikan sektor pertanian lebih menarik kepada generasi muda, memastikan kelangsungan dan pembangunan industri ini pada masa hadapan. Melaka, dengan visi untuk mengangkat Jambu Manis Melaka sebagai ikon, sedang bergerak ke arah pertanian yang lebih pintar dan berdaya saing global.

Penemuan Banci Pertanian 2024 – Jambu Manis Melaka

Parameter Utama Tanaman Jambu Batu

Sejumlah 79 pegangan pertanian terlibat dalam penanaman jambu batu yang terdiri daripada 64 pegangan pertanian individu dan 15 pegangan pertubuhan di Negeri Melaka pada tahun 2023.

RENCANA

Jambu batu merekodkan jumlah kluasan bertanam dengan 135.1 hektar dengan kluasan bertuai 133.6 hektar. Tanaman jambu batu merekodkan kuantiti pengeluaran 2,211.0 tan metrik. Kuantiti jualan jambu batu adalah sejumlah 1,731.7 tan metrik dan nilai jualan yang RM5.3 juta. Purata harga jambu batu adalah RM3.10, manakala produktiviti bagi tanaman jambu batu adalah 16.5 tan metrik/hektar.

Pegangan Pertanian

Sebanyak 64 pegangan pertanian individu (4.14%) terlibat dalam penanaman jambu batu, manakala 15 pegangan pertanian dimiliki oleh pertubuhan. Di peringkat daerah, Melaka Tengah mencatatkan pegangan pertanian tertinggi (57 pegangan pertanian), diikuti dengan Jasin (12) dan Alor Gajah (10). Pecahan pegangan pertanian bagi penanaman jambu batu mengikut daerah pentadbiran, adalah seperti berikut:

Jadual 1: Jumlah Pegangan pertanian Jambu batu Negeri Melaka, 2023

Daerah Pentadbiran	Individu	Pertubuhan	Jumlah
MELAKA	64	15	79
Alor Gajah	8	2	10
Jasin	6	6	12
Melaka Tengah	50	7	57

Keluasan Bertanam dan Keluasan Bertuai

Keluasan bertanam jambu batu di Melaka adalah seluas 135.1 hektar. Daerah Melaka Tengah merekodkan keluasan bertanam seluas 89.6 hektar, Jasin seluas 23.4 hektar dan Alor Gajah seluas 22.2 hektar.

Keluasan bertuai jambu batu di Melaka adalah seluas 133.6 hektar. Daerah Melaka Tengah merekodkan keluasan bertanam seluas 88.1 hektar, Jasin seluas 23.4 hektar dan Alor Gajah seluas 22.2 hektar.

Kuantiti Pengeluaran, Kuantiti Jualan dan Nilai Jualan

Jumlah pengeluaran jambu batu di negeri Melaka adalah sebanyak 2,211.0 tan metrik. Daripada jumlah tersebut, daerah Melaka Tengah mencatatkan pengeluaran tertinggi iaitu 2,072.9 tan metrik, diikuti oleh daerah Jasin dengan 70.9 tan metrik dan Alor Gajah sebanyak 67.2 tan metrik.

RENCANA

Kuantiti jualan jambu batu di Melaka adalah sebanyak 1,731.7 tan metrik. Daerah Melaka Tengah mencatatkan jumlah jualan tertinggi iaitu 1,605.8 tan metrik, diikuti oleh Jasin sebanyak 70.8 tan metrik dan Alor Gajah sebanyak 55.2 tan metrik.

Nilai jualan jambu batu di Melaka adalah sebanyak RM5.3 juta. Daerah Melaka Tengah mencatatkan nilai jualan tertinggi dengan RM4.9 juta, diikuti oleh Jasin sebanyak RM234 ribu dan Alor Gajah sebanyak RM190 ribu.

Kesimpulan

Penjenamaan semula Jambu Batu Lohan sebagai "Jambu Manis Melaka" mencerminkan usaha negeri Melaka untuk melonjakkan sektor pertaniannya melalui fokus kepada tanaman bernilai tinggi. Ciri-ciri unik buah ini seperti isi rangup, biji yang sedikit dan rasa manis yang seimbang menjadikannya sesuai dijadikan produk pertanian ikonik negeri. Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, sebanyak 79 pegangan pertanian terlibat dalam penanaman jambu batu, dengan kawasan bertanam seluas 135.1 hektar, menunjukkan penglibatan aktif komuniti pertanian terhadap tanaman ini.

Data banci turut merekodkan jumlah pengeluaran sebanyak 2,211 tan metrik dengan nilai jualan mencecah RM5.3 juta, yang mana Melaka Tengah merupakan penyumbang utama. Ini sejajar dengan usaha pelbagai agensi termasuk Jabatan Pertanian, MARDI dan FAMA dalam memberikan latihan, input pertanian serta sokongan pemasaran kepada petani. Penggunaan teknologi moden seperti sistem pengairan pintar, *IoT* dan *dron* turut menyokong peningkatan produktiviti dan kualiti hasil, sekali gus menjadikan "Jambu Manis Melaka" sebagai contoh kejayaan integrasi teknologi dalam sektor pertanian.

Banci Pertanian 2024 secara tidak langsung mengesahkan potensi besar "Jambu Manis Melaka" sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi luar bandar dan sebagai aset penting dalam pembinaan jenama pertanian negeri. Penyertaan aktif daripada petani individu dan pertubuhan, disokong oleh prestasi pengeluaran yang memberangsangkan, menunjukkan keupayaan produk ini untuk menjana pendapatan yang lumayan.

Sekiranya momentum ini diteruskan dengan strategi promosi yang berkesan serta penyelidikan berterusan, "Jambu Manis Melaka" bukan sahaja berpotensi menjadi lambang kebanggaan negeri Melaka, malah mampu menyumbang secara signifikan kepada landskap pertanian negara.

Penafian:

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.



JADUAL STATISTIK

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023

Table 1.0: Agriculture Holding by State, Malaysia, 2023

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	1,008,829	100.0	21,191	100.0	1,030,020	100.0
Johor	102,460	10.16	3,578	16.88	106,038	10.29
Kedah	123,194	12.21	1,237	5.84	124,431	12.08
Kelantan	87,203	8.64	442	2.09	87,645	8.51
Melaka	13,022	1.29	802	3.78	13,824	1.34
Negeri Sembilan	44,082	4.37	1,347	6.36	45,429	4.41
Pahang	87,482	8.67	2,543	12.00	90,025	8.74
Pulau Pinang	15,491	1.54	1,154	5.45	16,645	1.62
Perak	104,878	10.40	2,596	12.25	107,474	10.43
Perlis	18,839	1.87	131	0.62	18,970	1.84
Selangor	35,474	3.52	1,643	7.75	37,117	3.60
Terengganu	72,367	7.17	684	3.23	73,051	7.09
Sabah	156,635	15.53	2,624	12.38	159,259	15.46
Sarawak	145,378	14.41	2,036	9.61	147,414	14.31
W.P. Kuala Lumpur	1,426	0.14	330	1.56	1,756	0.17
W.P. Labuan	732	0.07	34	0.16	766	0.07
W.P. Putrajaya	166	0.02	10	0.05	176	0.02

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:

1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Negeri merujuk lokasi pegangan pertanian

* Notes:

1. Analysis as at 28 May 2025
2. State refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Melaka, 2023

Table 1.1: Agriculture Holding by Administrative District, Melaka, 2023

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Melaka	13,022	94.20	802	5.80	13,824	100.0
Alor Gajah	4,802	95.28	238	4.72	5,040	100.0
Jasin	5,669	96.46	208	3.54	5,877	100.0
Melaka Tengah	2,551	87.75	356	12.25	2,907	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:

1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk lokasi pegangan pertanian

* Notes:

1. Analysis as at 28 May 2025
2. State and administrative district refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 2.0: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023

Table 2.0: Agriculture Holding by Subsector, Malaysia, 2023

Subsektor Subsector		Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	236,241	96.01	9,806	3.99	246,047	100.00
	Padi Paddy	125,976	99.87	170	0.13	126,146	100.00
	Getah Rubber	387,124	99.92	309	0.08	387,433	100.00
	Nanas Pineapple	7,752	96.18	308	3.82	8,060	100.00
	Kenaf Kenaf	862	99.54	4	0.46	866	100.00
	Lada Pepper	32,191	99.97	10	0.03	32,201	100.00
	Koko Cocoa	4,147	99.62	16	0.38	4,163	100.00
	Buah-Buahan Fruits	87,731	97.36	2,375	2.64	90,106	100.00
	Sayur-Sayuran Vegetables	44,422	94.35	2,658	5.65	47,080	100.00
	Tanaman Lain Other Crops	38,302	96.61	1,344	3.39	39,646	100.00
Ternakan Livestocks		43,816	93.66	2,965	6.34	46,781	100.00
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	48,267	99.18	399	0.82	48,666	100.00
	Akuakultur Aquaculture	8,407	81.79	1,872	18.21	10,279	100.00
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		7,930	93.69	534	6.31	8,464	100.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:

- Analisa pada 28 Mei 2025
- Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
- Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.
- Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

* Notes:

- Analysis as at 28 May 2025
- Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
- Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
- Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (FSR) areas and/or outside the FSR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.1: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Melaka, 2023

Table 2.1: Agriculture Holding by Subsector, Melaka, 2023

Subsektor Subsector		Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	2,174	84.36	403	15.64	2,577	100.00
	Padi Paddy	538	99.63	2	0.37	540	100.00
	Getah Rubber	6,591	99.68	21	0.32	6,612	100.00
	Nanas Pineapple	103	91.96	9	8.04	112	100.00
	Kenaf Kenaf	4	100.00	-	-	4	100.00
	Lada Pepper	4	100.00	-	-	4	100.00
	Koko Cocoa	6	100.00	-	-	6	100.00
	Buah-Buahan Fruits	1,114	89.48	131	10.52	1,245	100.00
Ternakan Livestocks	Sayur-Sayuran Vegetables	521	88.91	65	11.09	586	100.00
	Tanaman Lain Other Crops	757	95.58	35	4.42	792	100.00
Perikanan & Pembalakan Forestry & Logging		989	89.02	122	10.98	1,111	100.00
Perikanan & Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	762	99.22	6	0.78	768	100.00
	Akuakultur Aquaculture	141	74.60	48	25.40	189	100.00
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		1	50.00	1	50.00	2	100.00

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

* Nota:

- Analisa pada 28 Mei 2025
- Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
- Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.
- Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

* Notes:

- Analysis as at 28 May 2025
- Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
- Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
- Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (FSR) areas and/or outside the FSR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kewarganegaraan, Melaka, 2023

Table 2.2: Individual Agriculture Holding by Subsector and Citizenship, Melaka, 2023

Subsektor Subsector		Warganegara Malaysian		Bukan Warganegara Non Malaysian	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	2,173	99.95	1	0.05
	Padi Paddy	538	100.0	-	-
	Getah Rubber	6,589	99.97	2	0.03
	Nanas Pineapple	103	100.0	-	-
	Kenaf Kenaf	4	100.0	-	-
	Lada Pepper	4	100.0	-	-
	Koko Cocoa	6	100.0	-	-
	Buah-Buahan Fruits	1,114	100.0	-	-
	Sayur-Sayuran Vegetables	520	99.81	1	0.19
	Tanaman Lain Other Crops	756	99.87	1	0.13
Ternakan Livestocks		989	100.0	-	-
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	762	100.0	-	-
	Akuakultur Aquaculture	141	100.0	-	-
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		1	100.0	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:

- Analisa pada 28 Mei 2025
- Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
- Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
- Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

* Notes:

- Analysis as at 28 May 2025
- Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
- Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
- Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Jantina, Melaka, 2023

Table 2.3: Individual Agriculture Holding by Subsector and Sex, Melaka, 2023

Subsektor Subsector		Bilangan Number	Lelaki Male	Perempuan Female	
			Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	1,647	75.76	527	24.24
	Padi Paddy	457	84.94	81	15.06
	Getah Rubber	4,155	63.04	2,436	36.96
	Nanas Pineapple	88	85.44	15	14.56
	Kenaf Kenaf	3	75.00	1	25.00
	Lada Pepper	3	75.00	1	25.00
	Koko Cocoa	6	100.0	-	-
	Buah-Buahan Fruits	994	89.23	120	10.77
	Sayur-Sayuran Vegetables	465	89.25	56	10.75
Ternakan Livestocks	Tanaman Lain Other Crops	649	85.73	108	14.27
		912	92.21	77	7.79
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	761	99.87	1	0.13
	Akuakultur Aquaculture	132	93.62	9	6.38
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		1	100.0	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:

- Analisa pada 28 Mei 2025
- Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
- Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
- Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

* Notes:

- Analysis as at 28 May 2025
- Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.
- Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.
- Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kumpulan Umur, Melaka, 2023
 Table 2.4: Individual Agriculture Holding by Subsector and Age Group, Melaka, 2023

Subsektor Subsector	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	24	1.10	228	10.49	561	25.80	1,361
	Padi Paddy	16	2.97	85	15.80	174	32.34	263
	Getah Rubber	142	2.15	770	11.68	1,748	26.52	3,931
	Nanas Pineapple	3	2.91	6	5.83	59	57.28	35
	Kenaf Kenaf	-	-	1	25.00	-	-	-
	Lada Pepper	-	-	-	-	1	25.00	3
	Koko Cocoa	-	-	2	33.33	1	16.67	3
	Buah-Buahan Fruits	20	1.80	133	11.94	332	29.80	629
	Sayur-Sayuran Vegetables	27	5.18	114	21.88	184	35.32	196
	Tanaman Lain Other Crops	16	2.11	133	17.57	218	28.80	390
Pembanci akan melawat TK untuk melakukan proses temu ramah secara bersemuka kepada responden dan mencatatkan maklumat yang diperoleh di dalam borang soal selidik.

3.2 Pendekatan bagi Pegangan Pertanian

- i. Pegangan Pertanian Individu - mengikut tempat tinggal biasa responden; dan
- ii. Pegangan Pertanian Pertubuhan - menggunakan alamat lokasi pertubuhan berada.

3.3 Parameter Banci

Maklumat aktiviti pertanian dikumpul berdasarkan alamat lokasi aktiviti dijalankan bagi tujuan pengeluaran pertanian/ hasilan pertanian. Maklumat yang dikumpul adalah merujuk kepada tahun rujukan 2023 iaitu daripada 1 Januari sehingga 31 Disember 2023. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pengiraan stok ternakan di bawah subsektor ternakan, bilangan ternakan merujuk kepada Hari Banci iaitu 7 Julai 2024.

4. LIPUTAN BANCI

Banci ini meliputi individu dan pertubuhan pertanian **merangkumi empat subsektor seperti Tanaman, Ternakan, Perikanan Tangkapan & Akuakultur dan Perhutanan & Pembalakan** yang menjalankan aktiviti pertanian bagi tujuan pengeluaran seperti berikut:

- i. Keseluruhan pengeluaran untuk jualan;
- ii. Tujuan utama pengeluaran untuk jualan dan sampingan untuk kegunaan sendiri; atau
- iii. Tujuan utama pengeluaran untuk kegunaan sendiri dan sampingan untuk jualan.

Pertubuhan pertanian termasuklah yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM – ROB & ROC), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Registrar of Societies (ROS) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

NOTA TEKNIKAL

Manakala pegangan pertanian yang TIDAK DILIPUTI dalam Banci Pertanian 2024 adalah:

- i. Keseluruhan pengeluaran untuk sara diri (kegunaan sendiri);
- ii. Aktiviti pertanian sebagai hobi (contoh: memancing);
- iii. Rekreasi dalam sektor pertanian;
- iv. Pekerja sektor pertanian; dan
- v. Individu yang memiliki tanah pertanian tetapi tidak mengusahaannya atau disewa/ dipajak kepada pihak lain.

5. LIPUTAN INDUSTRI

Banci Pertanian ini menggunakan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008, Version 1.0 (Seksyen A) selaras dengan International Standard Industrial Classification (ISIC) Version 4 yang dikeluarkan oleh United Nations Statistics Division (UNSD). Liputan MSIC 2008 ini telah dikemaskini bagi menyesuaikan liputan seperti berikut:

Jadual 1: Bilangan Industri Mengikut Subsektor Pertanian

SUBSEKTOR/ AKTIVITI	BILANGAN INDUSTRI
PERTANIAN	189
Tanaman	76
Ternakan	27
Perhutanan & Pembalakan	28
Perikanan Tangkapan & Akuakultur	37
Pertanian Campuran	4
Aktiviti Perkhidmatan Pertanian	17
PERKHIDMATAN	8
Aktiviti Ibu Pejabat	8

NOTA TEKNIKAL

Kumpulan industri (017) pemburuan, penjeratan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan tidak diliputi dalam Banci Pertanian 2024.

6. SUMBER ANGKA

Sumber maklumat utama statistik isi rumah adalah daripada *Malaysia Statistical Address Register* (MSAR), manakala senarai pertubuhan pula daripada *Malaysia Statistical Business Register* (MSBR). MSAR adalah senarai tempat kediaman (TK) di Malaysia, manakala MSBR adalah senarai pertubuhan/ perusahaan yang beroperasi di Malaysia yang merangkumi Daftar Syarikat (ROC), Daftar Perniagaan (ROS) dan Perkongsian Liabiliti Terhad (LLP) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta pertubuhan yang berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan dan badan profesional. Senarai di MSAR dan MSBR dikemaskini secara berkala berdasarkan survei dan bancian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan sumber data pentadbiran daripada agensi lain.

Sumber utama data pentadbiran adalah daripada SSM. Selain itu, DOSM juga bekerjasama untuk mendapatkan maklumat terkini daripada agensi lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Hutan Sarawak, pihak berkuasa tempatan dan badan profesional. Senarai dikemaskini untuk mengambil kira pertubuhan baharu dan merekod sebarang perubahan yang berlaku kepada pertubuhan tersebut seperti tutup, tidak beroperasi, perubahan jenis aktiviti dan lokasi/ alamat pos bagi memastikan maklumat yang terdapat dalam rangka adalah yang terkini.

7. KONSEP DAN DEFINISI

Konsep dan definisi dalam pelaksanaan Banci Pertanian 2024 berasaskan syor International Recommendations for Industrial Statistics, United Nations Statistical Division, Statistical Papers, Series M No. 90, United Nations, New York, 2009 dan Food and Agriculture Organization (FAO). Konsep dan definisi yang seragam membolehkan perbandingan data dibuat di peringkat antarabangsa.

NOTA TEKNIKAL

7.1 Takrif Pertanian

Pertanian merangkumi aktiviti penanaman, pemeliharaan dan penternakan haiwan dan pengeluaran produk haiwan, penebangan kayu balak dan tanaman lain, serta perikanan tangkapan dan akuakultur termasuk penggunaan sumber semulajadi tumbuh-tumbuhan dan haiwan (MSIC 2008, kemaskini 2024). Terdapat empat subsektor iaitu tanaman, ternakan, perhutanan & pembalakan dan perikanan.

- 7.1.1 Tanaman merujuk kepada penanaman dan pengeluaran produk tanaman termasuk pertanian organik. Tanaman juga meliputi penanaman tanaman tidak kekal dan kekal merangkumi penanaman tumbuh-tumbuhan untuk tujuan pengeluaran benih.
- 7.1.2 Ternakan merujuk kepada binatang atau unggas yang dipelihara untuk tujuan komersil dan pembiakbaaan. Pengeluaran ternakan termasuk penternakan (ladang) dan pembiakan semua haiwan serta pengeluaran daripada hasilan ternakan seperti telur, susu, madu dan sebagainya;
- 7.1.3 Perikanan tangkapan merujuk kepada aktiviti penangkapan, pemungutan dan pengumpulan organisma hidupan akuatik liar seperti ikan, moluska dan krustasia, termasuk tumbuhan yang terdapat di perairan air tawar atau air masin bagi tujuan komersial;
- 7.1.4 Akuakultur merujuk kepada proses pengeluaran yang melibatkan pengkulturan (termasuk tuaian) organisma akuatik (ikan, moluska, krustasia, tumbuhan, buaya, aligator dan amfibia) menggunakan teknik yang direka bentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semulajadi (contoh: stok biasa, pemberian makanan dan perlindungan dari pemangsa). Ia terdiri daripada empat jenis iaitu air payau, air tawar, ikan hiasan dan baka & benih; dan
- 7.1.5 Perhutanan dan pembalakan termasuk pengeluaran kayu balak untuk industri berdasarkan kayu, meliputi pengestrakan dan pengumpulan produk hutan bukan kayu yang tumbuh liar. Selain pengeluaran kayu balak, aktiviti perhutanan yang menghasilkan produk melalui proses minima seperti kayu api, kayu arang, reja kayu dan kayu balak yang digunakan dalam bentuk yang belum diproses. Aktiviti ini boleh dijalankan dalam hutan asli dan ladang hutan. Ia juga termasuk sebahagian daripada aktiviti operasi perhutanan berdasarkan bayaran atau secara kontrak.

NOTA TEKNIKAL

7.2 Pegangan Pertanian

Pegangan Pertanian secara ideal ditakrifkan sebagai satu unit ekonomi yang bergiatan di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal untuk tujuan pengeluaran pertanian tanpa mengambil kira hak milik, taraf sah atau saiz tanah. Pegangan Pertanian terdiri daripada dua kategori iaitu individu dan pertubuhan perniagaan. Maklumat untuk profil pegangan pertanian merujuk kepada lokasi tempat kediaman atau lokasi pertubuhan perniagaan.

7.3 Pegangan Pertanian Individu adalah seseorang yang menjalankan aktiviti sebagai pengusaha bagi tujuan pengeluaran tanaman, ternakan, perikanan, akuakultur dan/ atau pembalakan & perhutanan. Contoh, pengusaha yang menjalankan aktiviti pertanian adalah seperti berikut:

- i. Petani/ Peladang/ Pesawah - individu yang mengusahakan tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman ladang (kelapa sawit, getah, koko, kelapa, nanas dan lada) dan tanaman lain.
- ii. Nelayan - individu yang mendapat pendapatan melalui aktiviti menangkap ikan di laut, tasik atau di sungai. Nelayan terdiri daripada tekong dan pemilik (tidak termasuk awak-awak).
- iii. Penternak akuakultur - individu yang mengusahakan aktiviti akuakultur untuk tujuan komersial. Aktiviti akuakultur merujuk kepada proses pengeluaran yang melibatkan pengkulturan termasuk tuaian organisma akuatik (ikan, moluska, krustasia, tumbuhan, buaya, aligator dan amfibia) menggunakan teknik yang direkabentuk untuk meningkatkan pengeluaran organisma tersebut melebihi kapasiti persekitaran semulajadi (sebagai contoh, stok biasa, pemberian makanan dan perlindungan daripada pemangsa).
- iv. Penternak - individu yang memiliki, memelihara dan/ atau membiak ternakan untuk tujuan komersial seperti unggas, lembu termasuk hasil ternakan seperti telur, susu, madu dan sebagainya.

7.4 Pertubuhan Perniagaan ditakrifkan sebagai:

“Satu unit ekonomi yang bergiatan di bawah satu hak milik atau penguasaan tunggal, iaitu di bawah satu entiti yang sah yang menjalankan satu atau beberapa aktiviti di suatu tempat/ lokasi fizikal”. Setiap pertubuhan dikelaskan mengikut industri berdasarkan aktiviti utama dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk.

NOTA TEKNIKAL

Setiap cawangan organisasi yang mempunyai beberapa cawangan di lokasi berlainan dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan pernyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai. Walau bagaimanapun, dari segi praktis akaun biasanya disediakan secara berpusat kerana kesukaran untuk memperoleh data yang berasingan bagi setiap unit atau cawangan. Entiti atau ‘enterprise’ ini akan dianggap sebagai satu unit pelapor dan dibenarkan mengemukakan soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangannya.

Dalam penyusunan parameter pertanian, pertubuhan pertanian dirujuk sebagai pegangan pertanian pertubuhan dan boleh terdiri daripada syarikat; badan bukan kerajaan (NGO); institusi seperti masjid, sekolah dan penjara; persatuan yang menjalankan aktiviti pertanian bagi tujuan jualan.

8. TAHUN BANCI

Tahun binci adalah merujuk kepada tahun pelaksanaan binci. Binci Pertanian dilaksanakan pada tahun 2024.

9. TAHUN RUJUKAN

Tahun rujukan bagi maklumat yang dikumpul dalam binci ini merujuk kepada tahun rujukan aktiviti pertanian mengikut tahun takwim iaitu tahun 2023. Pertubuhan yang mempunyai tahun kewangan yang berbeza daripada tahun takwim perlu menyediakan laporan mengikut tahun perakaunan atau kewangan yang meliputi sekurang-kurangnya enam bulan dalam tahun rujukan.

10. UNIT PELAPOR

Unit pelapor bagi Binci Pertanian 2024 adalah pegangan pertanian individu dan pegangan pertanian pertubuhan yang menjalankan aktiviti pertanian.

11. LOKASI PEGANGAN PERTANIAN

Lokasi pegangan pertanian merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian individu berdasarkan kepada tempat kediaman biasa, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan berdasarkan alamat pertubuhan berada berdasarkan pendaftaran syarikat.

NOTA TEKNIKAL

12. LOKASI AKTIVITI

Lokasi aktiviti merujuk kepada lokasi aktiviti pertanian dijalankan. Satu pegangan pertanian individu atau pegangan pertanian pertubuhan boleh menjalankan satu/lebih aktiviti pertanian di lokasi yang sama atau di lokasi yang berlainan.

13. KELUASAN BERTANAM

Luas Bertanam sesuatu tanaman adalah berdasarkan kepada Luas Bertanam Tanaman Setara (CHE). Luas Bertanam Tanaman Setara untuk tanaman kekal diperolehi melalui pengiraan jumlah bilangan pokok di dalam sesuatu lot dibahagikan dengan bilangan pokok yang disyorkan sehektar bagi tanaman tersebut. Bagi tanaman jangka pendek, Luas Bertanam Tanaman Setara ialah jumlah luas bertanam yang ditanam beberapa kali setahun di atas kawasan yang sama. Luas Bertanam tanaman merangkumi semua kawasan pertanian di Malaysia termasuk di sektor pekebun kecil (individu dan kelompok), estet seperti FELDA, FELCRA, RISDA, Rancangan Negeri, Jabatan/ Agensi Kerajaan dan lain-lain skim pembangunan pertanian.

14. KELUASAN BERTUAI

Keluasan bertuai menggunakan konsep yang sama dengan Luas Berhasil Tanaman Setara (CHE). Luas Berhasil Tanaman Setara untuk tanaman kekal diperolehi melalui pengiraan jumlah bilangan pokok yang dituai di dalam sesuatu lot dibahagikan dengan bilangan pokok yang disyorkan sehektar bagi tanaman tersebut. Bagi tanaman jangka pendek, Luas Berhasil Tanaman Setara ialah jumlah luas berhasil yang dituai beberapa kali setahun di atas kawasan yang sama. Luas berhasil tanaman merangkumi semua kawasan pertanian di Malaysia termasuk di sektor pekebun kecil (individu dan kelompok), estet seperti FELDA, FELCRA, RISDA, Rancangan Negeri, Jabatan/ Agensi Kerajaan dan lain-lain skim pembangunan pertanian.

15. KELUASAN TERNAKAN AKUAKULTUR

Keluasan ternakan akuakultur merujuk kepada luas kawasan yang digunakan untuk ternakan (effective area) mengikut jenis sistem ternakan bagi hidupan akuatik seperti ikan, udang dan moluska. Di Malaysia, jenis sistem ternakan akuakultur boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk seperti kolam tanah, kolam konkrit, tangki, sangkar, kandang, hatcheri/ nurseri, rumpai laut, tumbuhan akuatik, kerang-kerangan dan lain-lain.

NOTA TEKNIKAL

16. KUANTITI PENGELOUARAN

Kuantiti pengeluaran merujuk kepada jumlah pengeluaran aktiviti pertanian yang boleh dikeluarkan untuk tujuan jualan. Kuantiti pengeluaran juga merujuk kepada kuantiti yang rosak selepas dikeluarkan tetapi belum dijual/ diproses/ diguna sendiri, digunakan untuk proses menjadi hasil pertanian dan kegunaan sendiri individu/ pertubuhan.

16.1 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman.

Merujuk kepada jumlah pengeluaran aktiviti tanaman kekal dan tidak kekal. Tanaman kekal merujuk kepada aktiviti tanaman yang melibatkan tempoh masa yang lebih panjang dan boleh menghasilkan hasil sepanjang tahun atau untuk beberapa tahun. Jenis tanaman adalah dalam bentuk komoditi, seperti kelapa sawit, getah, koko, lada dan kelapa. Tanaman tidak kekal merujuk kepada aktiviti tanaman yang melibatkan tempoh masa yang pendek dan hanya satu atau dua musim sahaja. Jenis tanaman adalah seperti sayur sayuran dan aktiviti tanaman industri.

16.2 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan

Merujuk kepada bilangan yang dikeluarkan daripada aktiviti ternakan termasuk kuantiti ternakan atau hasilan ternakan yang rugi, kuantiti untuk diproses, kuantiti untuk kegunaan sendiri dan kuantiti yang dijual. Kuantiti pengeluaran meliputi binatang yang digunakan untuk tujuan sembelihan, baka dan ternakan belum matang seperti anak ayam/ kambing/ lembu untuk peliharaan; kuantiti hasilan ternakan seperti telur, susu segar, madu dan sarang burung.

16.3 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan

Merujuk kepada kuantiti bagi jumlah tangkapan/ pendaratan ikan.

16.4 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur

Merujuk kepada jumlah pengeluaran akuakultur.

16.5 Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan dan Pembalakan

Merujuk kepada kuantiti pengeluaran aktiviti pengusaha hasilan hutan yang diukur dalam unit kilogram bagi pengeluaran hasil hutan bukan kayu yang tumbuh liar seperti pengumpulan rotan, buluh; pemungutan sarang burung; pengumpulan pokok sagu liar; dan pengumpulan produk hutan bukan kayu

NOTA TEKNIKAL

seperti damar, buah berangan, buah kerdas, buah keranji, petai, daun bertam, daun nipah, daun kajang, minyak keruing, lilin lebah dan madu, nira, pucuk midin, rebung dan lain-lain. Manakala bagi pengeluaran aktiviti berasaskan kayu merujuk kepada pengeluaran kayu balak; pengeluaran arang kayu dalam hutan yang menggunakan kaedah tradisional; pembalakan kayu getah; dan ladang hutan/ nurseri yang diukur dalam unit meter padu.

17. KUANTITI JUALAN

Kuantiti jualan adalah kuantiti pengeluaran daripada aktiviti pertanian yang digunakan untuk tujuan jualan dan nilainya kurang atau sama dengan kuantiti pengeluaran.

18. NILAI JUALAN

Nilai jualan merujuk kepada jumlah pendapatan yang diperoleh daripada jualan aktiviti pertanian berdasarkan kuantiti dan harga semasa penjualan tersebut dilaksanakan:

Nilai Jualan = Kuantiti Jualan x Harga Semasa.

19. KLASIFIKASI PENJADUALAN

Bagi subsektor Ternakan, kategori penjadualan dikelaskan seperti berikut:

19.1 Lembu/ Kerbau

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan lembu dan ternakan kerbau;

19.2 Kambing/ Bebiri

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan kambing dan ternakan bebiri;

19.3 Babi

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan babi;

19.4 Ayam/ Itik

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan ayam dan ternakan itik;

19.5 Lain-lain Ternakan

Melibatkan aktiviti penternakan ternakan alpaca, anak ayam, angsa, anjing, arnab, ayam belanda, ayam hiasan, ayam mutiara, ayam selasih, biawak, black

NOTA TEKNIKAL

soldier fly larva, buaya, burung, burung, cacing, capybara, cengkerik, dhab, gecko, hamster, iguana, kala jengking, kancil, kera, koloni kelulut, kucing, kuda, kura-kura, landak, lipas, monyet, pelanduk, puyuh, rusa, tikus, tupai, ular, ulat, unta dan wallaby;

19.6 Telur Ayam/ Itik

Melibatkan aktiviti penjualan hasilan ternakan telur ayam dan telur itik;

19.7 Susu Segar

Melibatkan aktiviti penjualan hasilan ternakan susu lembu, susu kambing dan susu kerbau; dan

19.8 Lain-lain Hasilan Ternakan

Melibatkan aktiviti penjualan hasilan ternakan telur angsa, telur puyuh, telur burung, sarang burung walet dan madu/ kelulut.

20. KEWARGANEGARAAN

Maklumat berkaitan kewarganegaraan adalah berdasar kepada pengenalan diri atau jawapan yang diberi oleh responden.

Maklumat kewarganegaraan harus digunakan dengan berhati-hati kerana ianya tertakluk kepada ralat kandungan dan liputan terutamanya bagi bukan warganegara.

21. KUMPULAN ETNIK

Untuk tujuan penjadualan dan analisis, klasifikasi kumpulan etnik adalah berasaskan klasifikasi seperti berikut:

Warganegara Malaysia

Bumiputera

Cina

India

Lain-lain

NOTA TEKNIKAL

Maklumat kumpulan etnik termasuk kewarganegaraan yang dikutip semasa banci adalah berdasarkan kepada perakuan responden dan tidak merujuk kepada sebarang dokumen rasmi.

22. KUMPULAN UMUR

Umur adalah berdasarkan hari lahir terakhir pada hari lawatan. Untuk tujuan penjadualan dan analisis, klasifikasi kumpulan umur adalah seperti berikut:

- i. 15 – 30 tahun;
- ii. 31 – 45 tahun;
- iii. 46 – 59 tahun; dan
- iv. 60 tahun dan ke atas.

23. SIJIL TERTINGGI DIPEROLEH

Individu dikategorikan mengikut tahap kelayakan tertinggi kepada empat peringkat iaitu **Tertiari, Menengah, Rendah dan Tiada Sijil**. Tahap Tertiari melibatkan pemegang ijazah kedoktoran (PhD), ijazah, diploma lanjutan, serta sijil kemahiran teknikal (TVET) dari institusi diiktiraf. Tahap Menengah merangkumi mereka yang memiliki STPM atau SPM/ SPM(V) atau setaraf. Tahap Rendah pula terdiri daripada individu dengan kelulusan di bawah SPM, manakala Tiada Sijil merujuk kepada mereka tanpa sebarang kelulusan rasmi. Sijil tertinggi diperoleh merujuk kepada sijil pendidikan tertinggi diperoleh seperti berikut:

i. Doktor Falsafah (PhD)

Merujuk kepada ijazah kedoktoran yang diperoleh daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) di dalam dan luar negara yang diiktiraf.

ii. Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana

Merujuk kepada Ijazah Sarjana Muda, Diploma Lanjutan, Diploma/ Sijil Pasca Ijazah, Diploma/ Sijil daripada badan profesional atau yang setaraf dengannya yang diperoleh dari IPTA dan IPTS di dalam dan luar negara yang diiktiraf. Contoh, Diploma Lanjutan, Diploma Sebaran Am dan kelulusan setaraf dengan ijazah seperti: a. Diploma/ sijil pasca ijazah; dan b. Diploma/ sijil dari badan professional.

NOTA TEKNIKAL

- iii. **Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf**
Merujuk kepada diploma yang diperoleh dari politeknik, universiti, kolej atau yang setaraf. Contoh, Diploma Kejururawatan, Diploma Perguruan, Diploma Kesihatan Bersekutu, Diploma Perancang Bandar dan Ukur, Diploma Senibina, Diploma Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan Diploma Pengajian Perniagaan.
- iv. **Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET)**
Merujuk kepada Diploma atau Diploma Lanjutan atau Higher National Diploma (HND) bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada institusi latihan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan/ Jabatan Pembangunan Kemahiran (Diploma Kemahiran Malaysia, Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan LCCI (Tahap 3 dan 4). Contoh, Diploma atau Diploma Lanjutan atau HND bagi kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh daripada Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Advanced Technology Training Centre (ADTEC), State Skill Development Centre (TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dan lain-lain) dan kolej swasta yang berkenaan.
- v. **Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-Badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf**
Merujuk kepada sijil yang diperoleh daripada politeknik, universiti, kolej, badan yang memberi pengiktirafan contoh, Construction Industry Development Board (CIDB) atau yang setaraf. Contoh sijil, Sijil Kejururawatan, Sijil Perguruan, Sijil Kesihatan Bersekutu, Sijil Perancang Bandar dan Ukur, Sijil Senibina, Sijil Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan Sijil Pengajian Perniagaan.
- vi. **Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET)**
Merujuk kepada sijil kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh dari institusi latihan yang diiktiraf oleh badan-badan tertentu seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK)/Jabatan Pembangunan Kemahiran (Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3), Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Institut Pertanian, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan LCCI (Tahap 2).

NOTA TEKNIKAL

Contoh, sijil kemahiran khusus dan teknikal yang diperoleh dari Institut Kemahiran Mara (IKM), Institut Pertanian, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti, State Skill Development Centre contoh, TATI, PSDC, NSSDC, KISMEC, PUSPATRI dan lain-lain atau kolej swasta yang berkenaan. Kategori ini tidak termasuk sijil yang diperoleh daripada GIAT MARA, politeknik, universiti atau yang setaraf.

- vii. **Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau yang setaraf**
Merujuk kepada sijil yang dikeluarkan oleh Kolej Komuniti, Politeknik, Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Belia Negara, Kolej Swasta serta agensi lain yang mengkhusus kepada Pendidikan dan TVET.
- viii. **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ SPM (V) atau yang setaraf**
Merujuk kepada kelayakan SPM/ SPM(V)/ MCE atau peperiksaan setaraf dengannya seperti GCE 'O' Level.
- ix. **Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V)**
Merujuk kepada kelayakan seperti PMR/ SRP/ LCE, tamat sekolah rendah atau di bawah taraf kelulusan yang dinyatakan.
- x. **Tiada sijil**
Tiada sijil yang diperoleh.

24. PRODUKTIVITI TANAMAN

Produktiviti tanaman ditakrifkan sebagai hasil tuaian tanaman bagi setiap unit keluasan tanah yang diusahaikan.

25. SIMBOL DAN SINGKATAN

-	: tiada data
0	: nilai kurang daripada 0.5
0.0	: nilai kurang daripada 0.05
≠	: tidak sama dengan
n.a.	: tidak berkenaan
&	: dan
%	: peratus

NOTA TEKNIKAL

dll	: dan lain-lain
RM	: Ringgit Malaysia
t.t.t.l	: tidak terkelas di tempat lain
W.P.	: Wilayah Persekutuan
ha	: hektar
kg	: kilogram
mm	: milimeter
cm	: sentimeter
m ²	: meter persegi
m ³	: meter padu
mt	: tan metrik
samb	: sambungan
NGO	: Badan Bukan Kerajaan
BP	: Blok Penghitungan
CIDB	: <i>Construction Industry Development Board</i>
DB	: Daerah Banci
DP	: Daerah Pentadbiran
ROS	: Daftar Perniagaan
ROC	: Daftar Syarikat
TVET	: Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal
PhD	: Doktor Falsafah
FELDA	: <i>The Federal Land Development Authority</i>
FELCRA	: Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan
FAO	: <i>Food and Agriculture Organization</i>
HND	: <i>Higher National Diploma</i>
IPTA	: Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	: Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IKTBN	: Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara
DOSM	: Jabatan Perangkaan Malaysia
KPM	: Kementerian Pendidikan Malaysia
KPK	: Kementerian Perladangan dan Komodit
KPKM	: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KKTM	: Kolej Kemahiran Tinggi MARA
KWSP	: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LHDN	: Lembaga Hasil Dalam Negeri
CHE	: Luas Bertanam Tanaman Setara
MARA	: Majlis Amanah Rakyat

NOTA TEKNIKAL

MSAR	: <i>Malaysia Statistical Address Register</i>
MSBR	: <i>Malaysia Statistical Business Register</i>
PAPI	: <i>Paper and Pen Interview</i>
PD	: Penguasa Daerah
PLB	: Penilaian Liputan Banci
PP	: Penolong Pesuruhjaya
LLP	: Perkongsian Liabiliti Terhad
PERKESO	: Pertubuhan Keselamatan Sosial
MSIC	: Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia
PBT	: Pihak Berkuasa Tempatan
PMR	: Penilaian Menengah Rendah
ROS	: <i>Registrar of Societies</i>
RISDA	: <i>Rubber Industry Smallholders Development Authority</i>
QC	: Semakan Kualiti
SPM	: Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	: Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SKM	: Suruhanjaya Koperasi Malaysia
SSM	: Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TK	: Tempat Kediaman
TP	: Timbalan Pesuruhjaya
UNSD	: <i>United Nations Statistics Division</i>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PENGHARGAAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Penghargaan



SESI DATA REVIEW AWALAN BANCI PERTANIAN 2024
BERSAMA JABATAN DAN AGENSI PERTANIAN
NEGERI MELAKA

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN
OPERASI BANCI PERTANIAN (JKPOB) BILANGAN 1
TAHUN 2025



KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH JABATAN
PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI MELAKA (DOSM)
KEPADА YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA

SESI PENGABSAHAN DATA BANCI PERTANIAN 2024
BERSAMA AGENSI PERTANIAN NEGERI MELAKA



@StatsMalaysia



PENGHARGAAN

• KERAJAAN NEGERI MELAKA

- ❖ YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh
Ketua Menteri Melaka
- ❖ YB Dato' Azhar bin Hj. Arshad
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
- ❖ YB Datuk Dr. Muhamad Akmal bin Salleh
EXCO Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan

• UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI MELAKA

- ❖ YBhg. Datuk Shamsul Ambia bin Abdul Aziz
Setiausaha Bahagian (SUB)

• JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI MELAKA

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none">❖ Encik Azmi bin Ali❖ Puan Siti Norhudah binti Nordin❖ Puan Jamilah binti Shahuri❖ Puan Amiirah binti Zolkefli❖ Puan Nur Izdihar binti Othman❖ Encik Mohd Azhari bin Ghazali❖ Encik Mohd Lizzan bin Busa❖ Puan Norrulhuda binti Marsidin❖ Puan Hazdalillah binti Hamid❖ Encik Azlan bin Abd Rahim❖ Puan Mahfizani binti Mah Husin | <ul style="list-style-type: none">❖ Encik Zulkifli bin Hassan❖ Puan Zuliana binti Mohd Zain❖ Encik Ahmad Affandy bin Abdul Hadi❖ Encik Bob Walid bin Rasol❖ Puan Nani Ruhaidah binti Idris❖ Encik Hanif bin Mohd Hanan❖ Puan Nor Jalila binti Baba❖ Cik Nur Syazwani binti Zainal❖ Cik Farah Hidayah binti Azhar❖ Encik Muhammad bin Abd Rahman |
|---|--|



PENGHARGAAN

JAWATANKUASA TEKNIKAL ANTARA AGENSI BANCI PERTANIAN

1. Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Melaka
 - ❖ Encik Rozli Azizi bin Talib
Pengarah
2. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Negeri Melaka
 - ❖ Dr. Mariati binti Daud Gan
Pengarah
3. Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Melaka
 - ❖ Encik Saufi Affandi bin Talib
Pengarah
4. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Melaka
 - ❖ Puan Darleena binti Baharudin
Pengarah
5. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Melaka
 - ❖ Encik Abd. Razak bin Haji Said
Pengarah
6. Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah (FELCRA) Negeri Melaka
 - ❖ Encik Faiz Shafiq bin Zainal Abidin
Pengarah
7. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Melaka
 - ❖ FELDA Tun Ghafar Air Kankong
 - ❖ FELDA Tun Ghafar Bukit Senggeh
 - ❖ FELDA Tun Ghafar Hutan Percha
 - ❖ FELDA Tun Ghafar Kemendor
 - ❖ FELDA Tun Ghafar Machap
 - ❖ FELDA Tun Ghafar Menggong



PENGHARGAAN

JAWATANKUASA TEKNIKAL ANTARA AGENSI BANCI PERTANIAN (Samb.)

8. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Negeri Melaka
 - ❖ Encik Mohd Hairy Azwan bin Mohd Bakhtiar
Pengarah
9. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Melaka
 - ❖ Encik Nor Azhar bin Abdul Hamid
Pengarah
10. Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Negeri Sembilan/ Melaka
 - ❖ Puan Siti Hajar binti Ramlee
Pengarah
11. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) Negeri Melaka
 - ❖ Encik Muhammad Syafiq bin Abdul Rahman
Ketua Pejabat
12. Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) Wilayah Selatan
 - ❖ Encik Salman bin Idris
Pengurus Wilayah
13. Lembaga Getah Malaysia (LGM) Negeri Melaka
 - ❖ Encik Muhammad Zahidin bin Razman
Pengarah
14. Persatuan Nelayan Negeri Melaka
 - ❖ Encik Hamdan bin Othman
Pengurus
15. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Negeri Melaka
 - ❖ Puan Shahrani binti Idris
Pengarah
16. Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Melaka
 - ❖ Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah
 - ❖ Pejabat Daerah dan Tanah Jasin
 - ❖ Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah



PENGHARGAAN

JAWATANKUASA TEKNIKAL ANTARA AGENSI BANCI PERTANIAN (Samb.)

17. Polis Diraja Malaysia (PDRM) Negeri Melaka
 - ❖ DCP Dato' Dzulkhairi bin Mukhtar
Ketua Polis Melaka
18. Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Negeri Melaka
 - ❖ Encik Ahmad Fahmi bin Abd. Shukor
Pengarah
19. Jabatan Penerangan (JAPEN) Negeri Melaka
 - ❖ Encik Ab Rasil bin Hajatil
Pengarah
20. PLANMalaysia Negeri Melaka
 - ❖ TPr. Abdulhan bin Abd Lamit
Pengarah
21. Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) Negeri Melaka
 - ❖ Puan Siti Nurbaini binti Khairi
Pengarah
22. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Melaka
 - ❖ Majlis Perbandaran Alor Gajah
 - ❖ Majlis Perbandaran Jasin
 - ❖ Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
 - ❖ Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
23. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Negeri Melaka

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Banci Pertanian 2024











LAMPIRAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

LAMPIRAN

Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia, 2024 – Sektor Pertanian

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
011	Penanaman tidak kekal		
	01111 Penanaman jagung manis ⁽¹⁾		01111
	01112 Penanaman tanaman kekacang ⁽²⁾		01112
	01113 Penanaman kacang tanah		01113
	01119 Penanaman bijian berminyak dan bijirin lain t.t.t.l ⁽³⁾		01113
	01120 Penanaman padi		01120
	01131 Penanaman sawit		01131
	01132 Penanaman bayam		01132
	01133 Penanaman tembikai ⁽⁶⁾		01133
	01134 Penanaman cendawan dan truffles		01134
	01135 Penanaman timun		01135
	01136 Penanaman terung		01136
	01137 Penanaman kobis		01137
	01138 Penanaman tomato		01138
	01139 Penanaman sayur-sayuran dan ubi t.t.t.l ⁽⁴⁾		01140
	01140 Penanaman tebu		01140
	01150 Penanaman tembakau		01150
	01161 Penanaman kenaf		-
	01169 Penanaman tanaman berserat lain t.t.t.l		-
	01191 Penanaman bunga		01191
	01192 Penanaman biji benih bungaan		01192
	01193 Penanaman sagu (rumbia)		01193
	01194 Penanaman tumbuhan untuk makanan ternakan		-
	01195 Penanaman pengeluaran keratan bunga dan kudup bunga		-
	01199 Penanaman tanaman bukan kekal lain t.t.t.l		01199

LAMPIRAN

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
012	Penanaman kekal		
01210	Penanaman anggur ⁽¹⁾		01210
01221	Penanaman pisang		01221
01222	Penanaman manga		01222
01223	Penanaman durian		01223
01224	Penanaman rambutan		01224
01225	Penanaman belimbing		01225
01226	Penanaman betik		01226
01227	Penanaman nanas		01227
01228	Penanaman buah naga		01228
01229	Penanaman buah-buahan tropika dan subtropika lain t.t.t.l ⁽²⁾		01229
01231	Penanaman limau bali		01231
01232	Penanaman lemon		01232
01233	Penanaman limau manis (buah)		01233
01234	Penanaman limau (rempah)		-
01239	Penanaman buah-buahan sitrus lain t.t.t.l		01239
01241	Penanaman jambu batu		01241
01249	Penanaman buah-buahan delima dan berbiji lain t.t.t.l		01249
01251	Penanaman buah strawberi		01251
01252	Penanaman buah beri lain ⁽²⁾		01252
01253	Penanaman kekacang yang boleh dimakan ⁽³⁾		01253
01254	Penanaman biji benih buah-buahan		01254
01261	Penanaman kelapa sawit (estet)		01261
01262	Penanaman kelapa sawit (kebun kecil)		01262
01263	Penanaman kelapa (estet dan kebun kecil)		01263
01269	Penanaman buah-buahan lain untuk minyak t.t.t.l		01269
01271	Penanaman kopi		01271
01272	Penanaman teh		01272
01273	Penanaman koko		01273
01279	Penanaman tanaman minuman lain t.t.t.l		01279
01281	Penanaman lada hitam (piper nigrum)		01281
01282	Penanaman cili dan lada (lada benggala spp.)		01282
01283	Penanaman pokok serai ⁽¹⁾		01283
01284	Penanaman halia		01284

LAMPIRAN

01285	Penanaman tanaman yang digunakan terutamanya untuk penghasilan minyak wangi, untuk farmasi atau untuk racun serangga, kulat atau untuk tujuan yang seumpamanya ⁽²⁾	01285
01286	Penanaman pokok petai	-
01287	Penanaman sacha inchi	-
01288	Penanaman ketum ⁽³⁾	-
01289	Penanaman tanaman rempah ratus dan aromatic lain t.t.t.l ⁽⁴⁾	01289
01291	Penanaman pokok getah (estet)	01291
01292	Penanaman pokok getah (kebun kecil)	01292
01293	Penanaman pokok untuk pengekstrakan sap ⁽⁵⁾	01293
01294	Penanaman pokok nipah	01294
01295	Penanaman pokok pinang	01295
01296	Penanaman pokok roselle	01296
01299	Penanaman tanaman kekal lain t.t.t.l ⁽⁶⁾	01299
013	Pembibitan tumbuhan	
01301	Penanaman tumbuhan sebagai tanaman	01301
01302	Penanaman tumbuhan untuk tujuan hiasan ⁽²⁾	01302
01303	Penanaman tumbuhan untuk bebwang, ubi dan keratan dan slips; cendawan	01303
01304	Operasi tapak semai pokok (nurseries) ⁽³⁾	01304
014	Pengeluaran ternakan	
01411	Penternakan, pembibikan dan pengeluaran lembu	01411
01412	Penternakan, pembibikan dan pengeluaran kerbau	01412
01413	Pengeluaran susu segar daripada lembu atau kerbau	01413
01420	Penternakan dan pembibikan kuda, keldai, baghal atau <i>hinnes</i>	01420
01430	Penternakan dan pembibikan unta (<i>dromedary</i>) dan camelid	01430
01441	Penternakan, pembibikan dan pengeluaran kambing	01441
01442	Penternakan, pembibikan dan pengeluaran biri-biri	01442
01443	Pengeluaran susu segar kambing atau biri-biri	01443
01444	Pengeluaran bulu belum proses	01444
01450	Penternakan, pembibikan dan pengeluaran babi	01450
01461	Penternakan, pembibikan dan pengeluaran ayam pedaging	01461

LAMPIRAN

01462	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran ayam penelur	01462
01463	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran itik	01463
01464	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran burung puyuh	01464
01465	Penternakan dan pembiakan unggas t.t.t. ⁽²⁾	01465
01466	Pengeluaran telur ayam	01466
01467	Pengeluaran telur itik	01467
01468	Pengeluaran telur unggas lain t.t.t. ⁽³⁾	01468
01469	Operasi penetasan unggas	01469
01491	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran arnab	01491
01492	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran burung	01492
01493	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran siput, ulat dan cacing	01493
01494	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran serangga ⁽⁶⁾	01494
01495	Penternakan, pembiakan dan pengeluaran hasil madu (Apikultur dan Meliponikultur)	01495
01496	Penternakan dan pembiakan haiwan peliharaan ⁽⁷⁾	01496
01497	Penternakan dan pembiakan burung wallet	01497
01498	Pengeluaran kulit berbulu, kulit burung atau reptilia dari operasi lading ternakan ⁽⁹⁾	01498
01499	Penternakan pelbagai / haiwan lain t.t.t. ⁽¹⁰⁾	01499

015 Pertanian campuran

01501	Pertanian campuran (tanaman, ternakan dan perikanan)	-
01502	Pertanian campuran (tanaman dan ternakan) ⁽¹⁾	-
01503	Pertanian campuran (tanaman dan perikanan) ⁽²⁾	-
01504	Pertanian campuran (ternakan dan perikanan) ⁽²⁾	-

016 Aktiviti sokongan pertanian dan aktiviti tanaman selepas tuaian

01611	Aktiviti perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan landskap nursery	-
01612	Aktiviti perkhidmatan penanaman dan penuaian	-
01613	Aktiviti perkhidmatan merumput dan kawalan Lalang	-
01614	Aktiviti perkhidmatan menebang dan membersih tanah	-

LAMPIRAN

01615	Aktiviti perkhidmatan merawat dan mengawal penyakit	-
01616	Aktiviti perkhidmatan menyelenggara infrastruktur	-
01617	Aktiviti perkhidmatan menyelenggara tempat / peralatan jentera dan kelengkapan untuk penanaman	-
01621	Aktiviti perkhidmatan dan mengawal penyakit	-
01622	Penyelenggaraan infrastruktur	-
01623	Penyelenggaraan Kawasan dan peralatan ternakan	-
01629	Aktiviti sokongan ternakan lain t.t.t.l	-
01631	Penyediaan tanaman untuk pasaran utama	01631
01632	Penyediaan daun tembakau ⁽³⁾	01632
01633	Penyediaan biji koko	01633
01634	Menjemur sayur-sayuran dan buah	01634
01639	Aktiviti tanaman selepas tuaian lain t.t.t.l	-
01640	Pemprosesan benih untuk pembiakan	-

017 Pemburuan, penjeratan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan

01701	Pemburuan dan penjeratan haiwan secara komersial	01701
01702	Penangkapan haiwan (hidup atau mati)	01702

Kumpulan	Perkara	Keterangan	MSIC 2008
021	Sivilkultur dan aktiviti perhutanan lain		
	02101	Sivilkultur, restorasi dan pemuliharaan hutan darat	02101
	02102	Sivilkultur, restorasi dan pemuliharaan hutan paya bakau serta persisiran pantai	02102
	02103	Sivilkultur, restorasi dan pemuliharaan hutan paya gambut	02103
	02104	Bekalan sumber bahan tanaman perhutanan	02104
	02105	Operasi tapak semaihan pokok hutan dan pokok ladang hutan	02105
	02106	Pengumpulan maklumat bagi Kawasan pemeliharaan hutan asli	-
	02107	Ladang hutan	02107
	02109	Sivilkultur, restorasi dan pemuliharaan hutan dan aktiviti perhutanan lain t.t.t.l	-

LAMPIRAN

022	Pembalakan		
02201	Penguasahasilan hutan darat asli secara berkekalan (<i>selective management system</i>)	02201	
02202	Penguasahasilan hutan paya laut	02202	
02203	Penguasahasilan hutan paya gambut	02203	
02204	Penguasahasilan hutan bagi tujuan pembangunan	02204	
02205	Penjarangan dan penguasahasilan akhir bagi ladang hutan	-	
02206	Penguasahasilan dan pemindahan kayu dari luar Kawasan hutan simpan kekal	-	
02209	Penguasahasilan lain t.t.t.l	-	
023	Pengumpulan produk hutan bukan kayu		
02301	Penguasahasilan dan pengeluaran rotan dan buluh	02301	
02302	Penguasahasilan dan pengeluaran sarang burung	02302	
02303	Penguasahasilan dan pengeluaran produk sagu liar	02303	
02304	Penguasahasilan dan pengeluaran gaharu	-	
02305	Penguasahasilan dan pengeluaran buah-buahan hutan	-	
02306	Penguasahasilan dan pengeluaran herba dan tumbuhan ubatan	-	
02307	Penguasahasilan dan pengeluaran madu lebah	-	
02309	Penguasahasilan, pengumpulan dan pengeluaran hutan bukan kayu lain t.t.t.l ⁽²⁾	02309	
024	Perkhidmatan sokongan perhutanan		
02401	Menjalankan aktiviti perkhidmatan penyediaan dokumen yang berkaitan dalam operasi perhutanan dan ladang hutan	02401	
02402	Binaan dan penyelenggaraan infrastruktur dalam hutan simpanan kekal (jambatan, jalan sementara dll.)	02402	
02403	Operasi bancian pokok (sebelum / selepas tebangan, penandaan pokok)	-	
02404	Perkhidmatan jentera, peralatan dan kelengkapan penguasahasilan dalam Kawasan hutan	-	
02409	Lain-lain perkhidmatan sokongan perhutanan t.t.t.l	-	
031	Perikanan		
03111	Perikanan komersial di laut dan perairan pantai ⁽²⁾	03111	
03112	Pemungutan ketam di laut	03112	
03113	Pemungutan sotong di laut	03113	
03114	Pemungutan udang di laut	03114	

LAMPIRAN

03115	Pemungutan kerrang-kerangan di laut	03115
03116	Pemungutan haiwan dan organisma akuatik di laut	-
03117	Pemungutan ikan hiasan di laut	-
03119	Perikanan laut lain t.t.t.l	03119
03121	Perikanan komersial di darat	03121
03122	Pemungutan ketam air tawar	03122
03123	Pemungutan udang air tawar	03123
03124	Pemungutan kerrang-kerangan air tawar	03124
03125	Pemungutan haiwan dan organisma akuatik air tawar	-
03126	Pemungutan ikan hiasan air tawar	-
03129	Perikanan air tawar lain t.t.t.l	-

032 Akuakultur

03211	Ternakan ikan di laut	03211
03212	Ternakan ketam laut	03212
03213	Ternakan udang laut	03213
03214	Ternakan kerrang-kerangan laut	03214
03215	Ternakan haiwan dan organisma akuatik laut	03215
03216	Ternakan ikan hiasan	03216
03217	Operasi penetasan anak benih (laut)	03217
03218	Ternakan rumpai laut	03218
03219	Ternakan akuakultur laut lain t.t.t.l	03219
03221	Ternakan ikan air tawar	03221
03222	Ternakan udang air tawar	03222
03223	Ternakan kerrang-kerangan air tawar	03223
03224	Ternakan ikan hiasan air tawar	03224
03225	Ternakan reptilia dan amfibia	03225
03226	Operasi penetasan anak benih (air tawar)	03226
03229	Akuakultur air tawar lain t.t.t.l	03229

033 TBA

03301	Aktiviti atas vessel yang melibatkan penangkapan, pemprosesan dan pengawetan	-
03302	Penyelenggaraan vessel perikanan, kapal	-
03309	Menjalankan sebahagian aktiviti sokongan perikanan lain t.t.t.l	-
03311	Penyelenggaraan tempat dan peralatan akuakultur	-
03312	Operasi kolam ikan	-
03319	Menjalankan sebahagian aktiviti sokongan akuakultur lain t.t.t.l	-

LAMPIRAN

701 Aktiviti ibu pejabat

70101	Aktiviti ibu pejabat tanaman	70100
70102	Aktiviti pengurusan ladang (tanaman)	70100
70103	Aktiviti ibu pejabat ternakan	70100
70104	Aktiviti pengurusan ladang (ternakan)	70100
70105	Aktiviti ibu pejabat pembalakan dan perhutanan	70100
70106	Aktiviti pengurusan ladang (pembalakan dan perhutanan)	70100
70107	Aktiviti ibu pejabat perikanan	70100
70108	Aktiviti pengurusan ladang (perikanan)	70100



ISBN 978-967-253-942-1



9 789672 639421



 @StatsMalaysia



